

**EMOSI WATAK KANAK-KANAK DALAM NOVEL
BUDAK CALIFORNIA KARYA MASS RUHAIZA
ALI SATU PENGAPLIKASIAN TEORI
KECERDASAN EMOSI GOLEMAN**

NIK HALIZA BINTI SANUSI

UNIVERSITI
—
MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN
KELANTAN
2024



**EMOSI WATAK KANAK-KANAK DALAM NOVEL
BUDAK CALIFORNIA : SATU PENGAPLIKASIAN TEORI
KECERDASAN EMOSI GOLEMAN**

**NIK HALIZA BINTI SANUSI
(C20A1157)**

**Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

FEBRUARI 2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah



SULIT

Dari tarikh _____ sehingga _____


(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Nik Haliza Binti Sanusi
 No. Kad Pengenalan: 000923031076
 Tarikh: 15 Februari 2024



Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: **SUDIRMAN BIN KIFFLI**
 Tarikh: **15 FEBRUARI 2024**

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan selamat sejahtera

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang," puji dan terima kasih hanya kepada Allah. pada-Mu, Yang Maha Agung dan Maha Kaya dalam rezeki. Saya memohon segala-galanya pertolongan dan perlindungan sepanjang kajian. Jangan lupa untuk mengucapkan salam dan selawat kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, akhirnya saya berjaya menyelesaikan kajian ini. Oleh itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perkara ini. Dalam kes ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Encik Sudirman Bin Kiffli selaku sebagai pensyarah projek penyelidikan dan banyak memberi panduan dan arahan untuk menyelesaikan kajian ini. Saya harap segala apa yang disumbangkan oleh beliau dan kebajikan yang beliau lakukan agar memperoleh ganjaran dan bimbingan daripada Allah SWT.

Pada masa yang sama juga, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga yang tersayang kerana memberi inspirasi dan selalu mendoakan kejayaan untuk saya semasa mengharungi kesukaran perjalanan semasa saya berada di sini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kawan-kawan yang sering membantu dan sokongan sehingga kajian penyelidikan ini selesai.

Sekian, berterima kasih.

Nik Haliza Binti Sanusi
15 Februari 2024
5 Syaaban 1445H

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Kesimpulan	12
BAB 2SOROTAN KAJIAN LEPAS	13
2.0 Pengenalan	13
2.1 BENTUK-BENTUK EMOSI	13
2.2 NOVEL	20
2.3 TEORI KECERDASAN EMOSI	23
2.4 KESIMPULAN	27
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	28
3.0 Pengenalan	28
3.1 Reka Bentuk Kajian	28
3.2 Kaedah Kualitatif	29
3.3 Kaedah Kajian	29
3.3.1 Kaedah Perpustakaan	29
3.3.2 Kaedah Analisis Teks	30
3.3.3 Kaedah Laman Sesawang	31
3.4 Teori Kecerdasan Emosi	32
3.4.1 Mengenal Emosi	
3.4.2 Mengendalikan Emosi	
3.4.3 Menggunakan Emosi Secara Positif	
3.4.4 Berempati	

3.4.5 Hubungan Sosial	
3.5 Bahagian Yang Terpilih Dalam Teori Kecerdasan Emosi	35
3.5.1 Mengenali Emosi	
3.5.2 Mengendalikan Emosi	
3.5.3 Berempati	
3.6 Kerangka Koseptual	38
3.7 Kesimpulan	40
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	41
4.0 Pengenalan	41
4.1 Bentuk-Bentuk Emosi Watak Kanak-Kanak	43
4.1.1 Marah	46
4.1.2 Gembira	47
4.1.3 Takut	48
4.1.4 Rasa Bersalah	49
4.1.5 Sedih	51
4.1.6 Malu	53
4.1.7 Bahagia	55
4.2 Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak	58
4.2.1. Mengenali Emosi	59
<i>i) Sedih</i>	60
<i>ii) Menyalahkan Diri</i>	62
<i>iii) Rindu</i>	63
4.2.2 Mengendalikan Emosi	64
<i>i) Marah</i>	66
<i>ii) Sakit Hati</i>	66
4.2.3 Menggunakan Emosi Secara Positif	67
<i>i) Menolong</i>	68
<i>ii) Berusaha</i>	70
4.2.4 Berempati	71
<i>i) Kasihan</i>	72
<i>ii) Memaafkan</i>	73
4.2.5 Hubungan Sosial	74
<i>i) Hubungan Dengan Rakan</i>	75
<i>ii) Hubungan Dengan Bukan Muslim</i>	76
<i>iii) Hubungan Dengan Guru</i>	77
BAB 5: KESIMPULAN	80
5.0 Pendahuluan	80
5.1 Rumusan	81
5.2 Cadangan	83
<i>i) Pengkaji</i>	84
<i>ii) Masyarakat</i>	84
<i>iii) Negara</i>	85
5.3 Penutup	86
RUJUKAN	87

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

Rajah 1: Kerangka Kajian	39
Jadual 1: Bentuk-Bentuk Emosi Watak Kanak-Kanak	44



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Kajian Emosi Watak Kanak-kanak Dalam Novel *Budak California* Satu Pengaplikasian
Teori Kecerdasan Emosi Goleman

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk menentukan aspek kecerdasan emosi dalam novel dan memberi kesan kepada pembentukan sahsiah kanak-kanak. Kehadiran unsur kecerdasan emosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman watak yang menunjukkan emosi mereka yang mempunyai kaitan dengan tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh kanak-kanak itu sendiri. Kanak-kanak yang mampu mengawal emosi mereka pastinya mempunyai sifat yang unggul, iaitu mempunyai iman yang teguh, akhlak yang mulia dan disanjung oleh semua orang. Kajian ini bertujuan untuk mencapai dua objektif kajian iaitu mengenal pasti bentuk-bentuk emosi watak kanak-kanak dan menganalisis tahap kecerdasan emosi kanak-kanak dalam novel *Budak California*. Kaedah yang digunakan adalah melalui kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan dan juga penganalisis teks. Kajian ini menggunakan Teori Kecerdasan Emosi Goleman. Selain itu, hasil dapatan kajian juga telah menunjukkan bahawa sifat kanak-kanak mereka yang terlibat dalam kajian mempunyai keupayaan untuk menjalani kehidupan mereka dengan tenang dan tabah kerana mempunyai keupayaan untuk mengendalikan emosi dengan cara yang positif. Hal ini kerana, secara tidak langsung telah menunjukkan ciri-ciri kanak-kanak yang berakhlak tinggi secara langsung. Oleh hal demikian itu, jelaslah membuktikan bahawa aspek kecerdasan emosi adalah penting bagi pembentukan tingkah laku kanak-kanak yang telah menunjukkan bahawa watak kanak-kanak mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi kerana mereka mampu untuk menjaga emosi dan membina hubungan yang baik dengan orang lain.

Kata kunci: Kecerdasan Emosi, emosi kanak-kanak, sahsiah

*Study of Childhood Character Emotions in a Budak California Novel An Application
of Goleman Theory of Emotional Intelligence*

ABSTRACT

The study was conducted with the aim of determining the aspects of emotional intelligence in novels and influencing the authentic formation of children in the studies carried out. The presence of a child's emotional intelligence element is based on the experience of a character that shows their emotions that are related to the level of Emotional Intelligence possessed by the child himself. Children who are able to control their emotions must have superior qualities, which is to have a firm faith, a noble morality and appreciated by everyone. The study aims to two objectives of the study, namely identifying the emotional forms of children's characters and analyzing the level of emotional intelligence of children in the Budak California novel. The type of research that is used is through qualitative methods such as the study of libraries and also the analysis of texts. This study uses Goleman Theory of Emotional Intelligence. In addition, the findings of the study have also shown that the nature of the children who are involved in the study has the ability to live their lives calmly and firmly because they have the capacity to manage emotions in a positive way. This is because, indirectly, has shown the characteristics of children who are highly moralistic in person. Thus, it is clearly proven that the aspect of emotional intelligence is important for the behavioral formation of children who have shown that children's characters have a high level of emotionally intelligent because they are able to maintain emotions and build good relationships with others.

Keywords: Emotional Intelligence, children's emotions, noble morality

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini hanya memperkenalkan kepada novel Mass Ruhaiza Ali *Budak California* adalah satu-satunya item dalam bab ini. Selain itu, pengkaji hanya menceritakan rangka kerja novel *Budak California* kepada orang ramai. Bahagian bab ini hanya membincangkan beberapa objektif kajian. Kemudian, pengkaji akan melihat elemen-elemen yang akan dikaji iaitu pengenalan tentang makna teori. Ini termasuk pemahaman teori dan beberapa maksud yang digunakan dalam kajian. Bab ini juga akan membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, dan kesimpulan bagi keseluruhan bab 1.

1.1 Latar Belakang Kajian

Karya sastera ialah istilah yang merujuk kepada hasil kreatif yang dihasilkan oleh individu melalui idea, pemikiran dan perasaan mereka. Karya ini juga diilhamkan oleh imaginasi manusia. Menurut Ali Haji Ahmad (1990: 89) karya sastera tidak hanya untuk menghiburkan dan menghilangkan tekanan, tetapi ia juga perlu berfungsi sebagai pendidik akhlak. Sastera menurut Kamus Dewan (2015:1396)

telah mengatakan bahawa sastera merupakan bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab . Justeru, sastera seharusnya dapat membantu dan membina jiwa yang luhur, hati yang mulia, serta nilai keperibadian. Sastera ialah sumber istimewa yang memberikan bahasa yang inovatif, indah dan berkesan serta mempunyai tamsil dan ibarat dan secara tidak langsung menyampaikan epistemologi tentang data, maklumat dan pengetahuan, nilai dan kepuasan estetika, panduan serta prinsip moral dan akhlak, elemen kesenian, dan sebagainya.

Menurut Kamus Dewan (2015: 388) emosi merupakan perasaan jiwa yang kuat, seperti sedih, gembira, takut dan sebagainya. Emosi ialah istilah yang dirujuk sebagai pemahaman dan pengalaman subjektif tentang perasaan yang kompleks berlaku dalam diri seseorang individu. Bahkan juga, fikiran, perilaku, interaksi sosial dan kesejahteraan emosional secara keseluruhannya telah dipengaruhi oleh emosi. Menurut Siti Hawa Munji dan Ma'rof Redzuan (1990) telah mengatakan bahawa maksud emosi ini merupakan keadaan yang kompleks dan dalam keadaan organisme sama ada dalam keadaan sedar dan mampu memberikan tindak balas melalui tingkah laku. Manakala menurut Kamus Dewan (2015:271) kecerdasan merupakan kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti dan lain-lain lagi seperti pendaian, kepintaran dan juga kecerdikan. Kecerdasan adalah konsep yang merujuk kepada pelbagai kemampuan dan keterampilan yang dimiliki oleh seseorang untuk memahami, mengolah, dan berinteraksi dengan dunia luar. Kecekapan adalah kualiti penting yang mempengaruhi sebahagian besar aspek kehidupan dan memainkan peranan penting dalam kesuksesan dan kesejahteraan seseorang.

Kecerdasan emosi merupakan hal yang penting dalam diri seseorang. Sekiranya seseorang itu sukar mengawal emosi, mereka akan gagal dalam mengatur perasaan dan diri. Daniel Goleman (1998:317) telah menyatakan kecerdasan emosi merupakan kemampuan untuk mengawal dan mengelolakan tingkah laku, perasaan dan emosi seseorang dan orang lain. Ia juga memerlukan tindakan dan kepintaran untuk mengubah tingkah laku mengikut keadaan dan masa. Terdapat lima bentuk dalam konteks kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri, pengurusan emosi, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Hal ini boleh dikatakan bahawa wujudnya kecerdasan emosi dalam sesebuah teks-teks artikel maupun novel. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998:5) turut memberi penerangan bahawa kehadiran teori kecerdasan emosi telah memberi kesedaran bahawa sikap negatif terhadap emosi menyebabkan manusia itu terjebak di dalam jaringan emosi negatif yang berpanjangan, seperti marah, bimbang dan takut. Hal ini kerana apabila emosi negatif menguasai diri, sudah pasti seseorang itu akan mengambil tindakan yang tergesa-gesa tanpa berfikir panjang dan akibatnya akan memudaratkan diri sendiri. Kecerdasan emosi ini boleh hadir dalam pelbagai bentuk, medium dan pelbagai kaedah sama ada boleh dilihat secara langsung. Kemudian, boleh dilihat dalam dunia nyata ataupun melalui dunia karya sastera. Karya sastera juga memaparkan kecerdasan emosi melalui penghasilan prosa seperti novel, cerpen, hikayat dan sebagainya. Kecerdasan emosi hadir dalam semua kategori sama ada golongan kanak-kanak, remaja dan juga dewasa. Namun begitu, dengan menerusi hasil kajian ini telah memfokuskan kepada emosi watak kanak-kanak.

Menurut Kamus Dewan (2015:668) kanak-kanak yang dimaksudkan adalah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil biasanya yang belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun. Kanak-kanak merujuk kepada kategori umur dalam

perkembangan manusia yang meliputi tahun-tahun awal kehidupan, biasanya dari kelahiran hingga sekitar usia dua belas atau tiga belas tahun. Istilah ini boleh digunakan secara luas untuk merujuk kepada kanak-kanak dalam usia prasekolah dan sekolah dasar. Kanak-kanak biasanya melalui fasa perkembangan yang penting, di mana mereka mengalami perubahan yang ketara dalam fizikal, emosi, dan sosial.

Kajian ini akan memberikan fokus kepada penggunaan teori kecerdasan emosi serta prinsip yang digunakan dalam pemilihan novel *Budak California* karya Mass Ruhaiza Ali. Novel ini banyak menggunakan terhadap prinsip kecerdasan emosi yang telah berkait dengan kehidupan seharian. Hal ini kerana, pengkaji telah menyampaikan mesej yang tersirat dan bermanfaat yang dijadikan sebagai teladan dan juga pedoman untuk menjalani kehidupan yang lebih baik untuk masa hadapan. Pengkaji telah menjalankan kajian ini untuk dijadikan sebagai pembaharuan ilmu pengetahuan serta menerangkan tentang kecerdasan emosi dalam kehidupan. Kajian ini telah menggunakan Teori Kecerdasan Emosi oleh Daniel Goleman 1995. Namun begitu, terdapat lima bahagian yang digunakan dalam kajian ini untuk dijadikan sebagai rujukan dalam menyampaikan mesej pengarang. Kajian ini juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri bagi menunjukkan kecerdasan emosi ini ada dalam teks mahupun novel dalam memainkan peranan penting untuk menghidupkan hasil karya tersebut supaya dapat dijadikan sebagai pengetahuan terhadap generasi baru dan akan datang.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Pernyataan masalah atau dikenali sebagai “Problem Statement” yang selaras dengan sesuatu perkara untuk membuktikan bahawa sama ada ia memiliki kebenaran ataupun sebaliknya dengan menerusi dapatan kajian yang digunakan dalam hasil kajian ini. Menurut pandangan daripada Mahyuddin K,M,Nasution (2017) telah menerangkan bahawa pernyataan masalah ini sebenarnya dibentuk untuk tidak hanya menumpukan kepada perolehan jawapan daripada masalah yang akan dihadapi.

Masalah yang sering berlaku di Malaysia adalah apabila masih tidak mengenali bentuk-bentuk emosi kanak-kanak dan tidak memahami apakah yang dimaksudkan dengan emosi kanak-kanak. Oleh hal demikian itu, menurut hasil kajian daripada Abdul, M. A.et.el(2019:18) telah membuat kajian berkenaan dengan tajuk *Perkembangan Emosi Kanak-kanak Menggunakan kaedah Pengajaran Berasaskan Aktiviti Muzik*. Dengan menerusi hasil kajian tersebut di mana pengkaji telah mengkaji emosi kanak-kanak melalui muzik kerana muzik adalah satu hiburan yang mudah untuk dijadikan sebagai tarikan, tambahan pula muzik yang boleh menarik minat kanak-kanak serta dapat menguasai perkembangan emosi mereka.Hal ini kerana, dengan menerusi kajian ini dapat dilihat bagaimana perkembangan kanak-kanak dalam mengurus emosinya sama ada gembira, teruja, dan kemungkinan ada juga terselit kurang berminat terhadap muzik yang didengari. Di samping itu juga, pengkaji dapat mengenali emosi kanak-kanak tersebut berdasarkan kepada cara ataupun tingkah laku kanak-kanak dalam menyampaikan perasaan mereka dengan menggunakan kaedah aktiviti muzik.

Oleh hal demikian itu, berdasarkan kepada kajian-kajian yang terdahulu yang telah dikaji dan mendapati bahawa emosi kanak-kanak masih lagi kurang diberikan perhatian kepada pengkaji luar sana sama ada pengkaji tempatan mahupun pengkaji Indonesia terutamanya bagi penggunaan kecerdasan emosi dalam novel. Namun begitu, didapati masih tiada lagi kajian yang telah dibuat dalam novel *Budak California*. Hal ini kerana, seperti yang dinyatakan oleh sarjana terdahulu, tahap pengetahuan kajian yang bergantung pada emosi kanak-kanak adalah mencabar. Pada masa yang sama, novel *Budak California* menunjukkan bahawa penceritaan boleh dilihat melalui pelbagai jenis emosi. Ini menyebabkan sukar untuk mendalami kajian mengikut tahap pemahaman individu tentang subjek. Jika pemikiran dan logik akal pengkaji tidak mencapai tahap kualiti teks yang tinggi, proses analisis bentuk emosi kanak-kanak akan menjadi sukar.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini berdasarkan kepada dua persoalan kajian iaitu:

1. Apakah bentuk -bentuk emosi watak kanak-kanak yang terdapat dalam novel *Budak California*?
2. Apakah tahap emosi kanak-kanak yang terdapat dalam novel *Budak California* pengaplikasian Teori Kecerdasan Emosi ?

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama hasil penyelidikan ini untuk memenuhi sebahagian pengetahuan untuk pengkaji. Oleh itu, dalam objektif kajian ini telah meneliti kepada dua objektif kajian iaitu:

1. Mengenalpasti bentuk-bentuk emosi watak kanak-kanak yang terdapat dalam novel *Budak California*.
2. Menganalisis tahap kecerdasan emosi kanak-kanak dalam novel *Budak California* satu pengaplikasian Teori Kecerdasan Emosi

1.5 Skop Kajian

Dalam meneliti hasil skop kajian ini telah menitikberatkan terhadap kecerdasan emosi kanak-kanak. Kecerdasan emosi kanak-kanak merujuk kepada keupayaan kanak-kanak itu sendiri dalam mengenali, memahami, mengawal dan mengungkapkan emosi mereka sendiri, serta mengenali emosinya dalam hubungan sosial. Ia melibatkan kesedaran diri, pengaturan emosi, keupayaan untuk menubuhkan hubungan sosial, dan kemahiran dalam menyelesaikan konflik. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kajian ini telah dibataskan menerusi tajuk kajian yang memfokuskan kepada emosi kanak-kanak menerusi novel *Budak California* karya Mass Ruhaiza Ali dengan mengaplikasikan Teori Kecerdasan Emosi. Pilihan novel *Budak California* ini adalah kerana ia berkaitan dengan penciptaan novel yang mana telah mengaitkan dengan pada masa sekarang terutamanya dalam memfokuskan penceritaan keadaan sekeliling sama ada dalam kekeluargaan dan juga masyarakat. Ia juga boleh disimpulkan bahawa kajian ini boleh memberi kesan kepada pembaca, terutamanya kepada pembaca baharu. Pemaparan bagi watak kanak-kanak ini bertujuan untuk memberikan gambaran umum tentang watak kanak-kanak dengan menggambarkan ciri-ciri dan perilaku yang biasa terjadi pada anak-anak semasa perkembangan mereka. Namun, adalah penting untuk di ingat bahawa setiap anak adalah unik dan boleh menunjukkan perbezaan dalam sifat dan tingkah laku mereka. Walau bagaimanapun, pengkaji telah meletakkan batasan kajian untuk mengenalpasti bentuk-bentuk emosi watak kanak-kanak dalam novel *Budak California*. Ia telah ditunjukkan sebagai pilihan baharu untuk mengkaji kajian ini. Oleh itu, emosi kanak-kanak akan menjadi tumpuan penting dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini menggunakan teori kecerdasan emosi Daniel Goleman yang dibangunkan pada tahun 1995 untuk mengkaji ketidakstabilan emosi kanak-kanak pada watak utama dalam novel *Budak California* karya Mass Ruhaiza Ali. Teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman telah dibahagikan kepada lima bahagian. Daniel Goleman menamakan lima bahagian tersebut adalah mengenali emosi diri sendiri, mengelola emosi, motivasi diri, mengenali emosi orang lain, dan membina hubungan. Walau bagaimanapun, penyelidik hanya menumpukan pada tiga bahagian teori kecerdasan emosi Daniel Goleman iaitu mengenali emosi diri sendiri, mengelola emosi dan mengenali emosi orang lain.

Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menyelesaikan kajian ini, termasuk kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks, kaedah laman sesawang dan juga teori kecerdasan emosi Daniel Goleman (1995). Sepenuhnya, kaedah ini akan digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data, yang akan mengkaji data yang berkaitan dengan emosi kanak-kanak. Selain itu, pengkaji juga mengumpul bahan dan rujukan daripada sumber yang berkaitan dengan kajian. Ini membolehkan pengkaji membaca teks kajian dengan teliti.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai novel *Budak California* adalah mempunyai kepentingannya yang tersendiri.. Kajian ini menunjukkan kecerdasan emosi kanak-kanak watak utama. Selain itu, dengan menerusi karya Mass Ruhaila Ali telah menunjukkan dalam karya ini membuktikan bahawa emosi adalah untuk memberikan pemahaman dan pengalaman subjektif tentang perasaan dan sensasi yang kompleks yang sering berlaku dalam diri seseorang. Emosi yang melibatkan kepada reaksi fizikal dan mental terhadap perkara dalaman atau luaran, seperti peristiwa, keadaan, atau pemikiran.Menurut Siti Hawa Munji dan Ma'rof Redzuan (1990), emosi merupakan keadaan kompleks dan dalam keadaan tersebut organisma berada dalam keadaan sedar dan gerak balas organisma dapat diperhatikan dan diukur melalui tingkah laku dan komunikasi emosi yang dipamerkan.Hal ini kerana, emosi telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian untuk membentuk fikiran, perilaku, interaksi sosial, dan kesejahteraan emosional dalam diri.

Di samping itu, kajian ini juga penting untuk mengetahui tahap emosi seseorang. Ini kerana tahap emosi yang akan mempunyai kesan positif terhadap individu. Emosi adalah penting dalam kehidupan manusia kerana ia membantu orang ramai mengatasi persekitaran mereka, membuat keputusan, dan berinteraksi dengan orang lain. Selain itu, mereka membantu dalam mengenal pasti keperluan dan keinginan orang ramai dan memberikan inspirasi untuk mencapai matlamat dan kebahagiaan.Penting untuk di ingat bahawa merasakan emosi adalah normal dan manusia kerana ia adalah komponen alami kehidupan manusia. Agar anda boleh

berfungsi dengan baik dan menjaga kesihatan mental secara keseluruhan, adalah penting untuk mengenali dan mengelola emosi anda dengan betul.

Selain itu, kajian ini boleh digunakan sebagai panduan atau rujukan kepada pelajar dan pengkaji, terutamanya mereka yang bekerja dalam bidang kesusasteraan warisan. Oleh itu, adalah jelas bahawa kajian ini boleh mengajar pelajar tentang novel *Budak California*, yang bukan sahaja membosankan tetapi juga mempunyai beberapa bahagian yang boleh digunakan sebagai pengajaran dan teladan. Selain itu, penyelidikan ini adalah karya penting dalam bidang sastera dan sastra. Aspek asas kemanusiaan yang dikenali sebagai emosi terdiri daripada perasaan, pemahaman, dan reaksi terhadap keadaan dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seseorang. Kajian emosi membolehkan sastera memahami dan menyelami kehidupan manusia dengan lebih baik. Ini disebabkan oleh fakta bahawa kajian bentuk emosi dalam sastera memberikan kedalaman dan keseimbangan kepada karya sastera. Kajian emosi membantu dalam penciptaan karya sastera yang kuat dan menyentuh hati yang boleh merubah pandangan pembaca tentang dunia dan manusia itu sendiri kerana emosi menggambarkan keunikan manusia.

Seterusnya, kajian ini juga akan memberi manfaat kepada negara. Hal ini disebabkan oleh kepercayaan bahawa hasil penyelidikan ini akan memupuk jenis emosi yang boleh dilihat melalui watak kanak-kanak dalam novel *Budak California*. apabila orang ramai menyedari bahawa amalan emosi yang baik adalah komponen penting dalam kehidupan bermasyarakat yang mengamalkan emosi yang baik cenderung dalam mempunyai hubungan yang lebih baik dengan orang lain, serta menghadapi tekanan hidup dengan cara yang lebih positif, dan menyumbang kepada

keharmonian masyarakat. Amalan emosi yang baik bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri, tetapi ia juga memberi manfaat kepada masyarakat dan hubungan sosial secara keseluruhan. Rakyat boleh menyumbang kepada masyarakat yang lebih harmoni dan seimbang dengan meningkatkan kesedaran emosi dan mengutamakan hubungan yang positif.

1.7 Kesimpulan

Secara kesimpulan bagi keseluruhan bagi bab 1 ini telah menerangkan mengenai tentang teks kajian yang dipilih iaitu *Budak California* hasil karya Mass Ruhaiza Ali. Bab ini juga menyatakan bahawa persoalan dan juga permasalahan yang berlaku terhadap emosi kanak-kanak perempuan. Terdapat pelbagai emosi yang ditimbulkan oleh seorang kanak-kanak perempuan. Justeru itu , analisis kajian ini telah menggunakan teori kecerdasan emosi Daniel Goleman. Dengan menerusi bab ini pengkaji juga menyatakan berkenaan dengan permasalahan kajian yang didapati di dalam novel *Budak California* serta berkaitan dengan isu-isu semasa. Oleh hal demikian itu , diharapkan hasil kajian ini dapat mencapai objektif kajian dengan menggunakan Teori Kecerdasan Emosi Goleman

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Bab ini berkaitan dengan sorotan kajian lepas yang mana telah membincangkan berkenaan dengan kajian yang terdahulu malah melihat dari segi pandangan tokoh terhadap kajian yang berkaitan dengan tajuk yang telah dikaji. Selain itu, pengkaji turut dapat mengetahui maksud kecerdasan emosi dan juga bahagian-bahagian yang telah digariskan oleh Daniel Goleman (1995) .Hasil kajian ini juga sangat penting untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji di luar sana dalam mendalami tentang kajian yang telah dilakukan. Justeru itu , pengkaji juga dapat menjadikan teks ataupun artikel daripada sarjana tempatan ataupun barat untuk dijadikan sebagai tambahan dalam ilmu pengetahuan .

2.2 Bentuk-bentuk emosi

Menurut Siti Aishah Yahya, F. Sham (2019) yang bertajuk *Bentuk-bentuk Emosi Remaja Hamil Luar Nikah*. Menerusi hasil kajian ini Remaja yang belum berkahwin dan telah mengandung sebelum berkahwin ditakrifkan sebagai hamil luar nikah. Istilah "remaja hamil luar nikah" merujuk kepada situasi di mana dua individu yang tidak mempunyai pertalian nikah sah melakukan hubungan seks. Remaja hamil luar nikah adalah mereka yang berumur antara 13 dan 18 tahun. Faktor persekitaran, keluarga, kemurungan, kesunyian, dan sokongan sosial adalah antara banyak isu yang menyebabkan kehamilan luar nikah ini. Dalam pendekatan dakwah, emosi dikategorikan mengikut perspektif Al-Quran dan hadis. Remaja hamil menunjukkan

pelbagai emosi seperti romantik, keliru dan marah. Menurut Barat, bentuk emosi terdiri daripada empat aspek: emosi dari segi keupayaan untuk membuat pengurusan emosi. Di samping itu, jenis emosi menurut Islam juga termasuk emosi seperti kesempitan jiwa, ketakutan, kegelisahan, berkeluh kesah, ketakutan yang berlebihan, kebimbangan, kebingungan, dan mungkin juga hilang akal akibat ketakutan yang sangat besar.

Ibrahim, W. dan Junaid, S. (2021). Kajian telah menghasilkan kajian yang berkaitan dengan *Emosi dalam Filem “Inside Out”*. Kecerdasan emosi ialah keupayaan seseorang untuk menerima, menilai, mengurus dan mengawal emosi dan orang-orang di sekelilingnya. Perasaan dan emosi membentuk hubungan emosional antara penonton dan karakter dalam sebuah filem. Dalam filem, pelbagai jenis emosi boleh diungkapkan, termasuk emosi biasa seperti sukacita, sedih, gembira, dan sebagainya. Emosi ini memainkan peranan penting dalam mewujudkan hubungan emosional antara cerita dan penonton, yang merupakan salah satu aspek yang paling menarik untuk menonton filem. Filem yang berjaya mempunyai keupayaan untuk memanipulasi perasaan penonton dengan bijak untuk mencapai objektif naratif dan yang ditetapkan. Dalam kes ini, emosi merujuk kepada perasaan maklumat mengenai hubungan. Sementara itu, kecerdasan merujuk kepada keupayaan untuk memberikan alasan yang sah untuk hubungan. Kecerdasan emosi baru-baru ini dianggap sama pentingnya dengan kecerdasan intelektual. Kecerdasan emosi dan kecerdasan intelektual bukanlah perkara yang bertentangan. Kecerdasan emosi, ia boleh disimpulkan bahawa kecerdasan emosi adalah satu keadaan seseorang boleh menggunakan atau mengawal emosi mereka untuk memotivasi, mempunyai, dan merancang pelbagai keupayaan untuk digunakan kepada persekitaran mereka.

Menerusi Jurnal Kesihatan Klinik Sun, H., Wang, S, et.al (2020). Korelasi persepsi yang berkaitan dengan emosi, pemikiran berdasarkan emosi, pemahaman dan antara kecerdasan emosi dan emosi negatif jururawat hadapan semasa endemik COVID-19: satu kajian persekitaran.Tujuan kajian ini ialah untuk memahami tahap kecerdasan emosi dan status emosi negatif jururawat hadapan dalam situasi epidemik dan untuk meneroka hubungan antara mereka. Semasa endemik COVID-19, di bawah pengaruh pelbagai faktor, jururawat terdedah kepada emosi negatif. Para pahlawan perubatan yang paling penting dalam menghadapi pandemik COVID-19 adalah jururawat. Mereka berjuang untuk memberikan perawatan dan dukungan kepada pasien yang terinfeksi virus, dan mereka mungkin mengalami banyak emosi negatif dalam prosesnya. Penting untuk diingat bahawa jururawat juga manusia, dan mereka juga boleh mengalami pelbagai emosi, terutamanya dalam menghadapi situasi yang mencabar seperti pandemik COVID-19. Beberapa emosi negatif yang mungkin dialami oleh jururawat semasa menghadapi pandemik adalah seperti kecemasan, ketakutan, kelelahan, marah, dan sebagainya. Untuk memastikan kesihatan fizikal dan mental mereka semasa masa yang sukar ini, adalah penting untuk memberi mereka sokongan dan penghargaan.

Menerusi kajian daripada Abirerah, N. S., et.el(2020) dengan tajuk kajian *Kestabilan Emosi dan Cabaran Kehidupan Golongan Armalah*. Dengan menerusi hasil kajian ini dapat dilihat bahawa kedua-dua elemen yang sangat penting dalam kehidupan setiap orang adalah kestabilan emosi, yang bermaksud kemampuan seseorang untuk mengawal dan mengendalikan emosi mereka dengan berkesan dalam pelbagai keadaan. Ini termasuk keupayaan untuk mengetahui tentang

perasaan kita dan bagaimana cara kita untuk bertindak balas terhadapnya, serta keupayaan untuk mengatasi emosi yang tidak sihat atau berlebihan dengan cara yang berkesan dan positif. Keupayaan untuk kestabilan emosi termasuk keupayaan untuk mengekspresikan emosi dengan tepat, keupayaan untuk berempati dengan orang lain, dan keupayaan untuk mengekalkan keseimbangan mental dalam menghadapi tekanan dan kesukaran yang datang dengan kehidupan. Cabaran kehidupan ialah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada halangan dan kesukaran yang dihadapi oleh seseorang dalam perjalanan hidup mereka. Pelbagai aspek kehidupan, seperti kewangan, kesihatan, keluarga, pekerjaan, pendidikan, dan hubungan sosial, boleh menyebabkan masalah ini. Keadaan dan keadaan kehidupan seseorang berbeza-beza.

Menerusi kajian daripada Arif, M., et.al(2019) yang bertajuk *Bentuk-bentuk Perilaku Agresif Pada Remaja*. Dengan menerusi hasil kajian ini dapat dilihat bagaimana tingkah laku remaja dalam mengendalikan emosinya. Perilaku agresif remaja boleh berbeza dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk persekitaran, genetik, pengalaman masa lalu, dan lain-lain. Berikut adalah beberapa jenis perilaku agresif yang biasa dilihat oleh remaja seperti agresif secara fisik yang melibatkan penggunaan kekerasan fizikal, seperti pukulan, tendangan, atau tindakan berbahaya terhadap diri sendiri atau orang lain. Namun begitu dapat dilihat juga dari segi tingkah laku agresif secara verbal di mana seorang remaja boleh menunjukkan perilaku agresif melalui perkataan kasar, ancaman, dan sebagainya. Oleh hal demikian itu, perilaku mereka menjadi agresif atau menunjukkan tanda-tanda bahawa mereka menghadapi kesukaran dalam mengendalikan emosi dan interaksi sosial. Sangat digalakkan untuk remaja mendapatkan bantuan profesional dalam kes yang rumit atau serius kerana ia akan membantu mereka menangani cabaran dan

mengembangkan kemahiran yang lebih sesuai untuk bertindak balas terhadap keadaan yang mencabar.

Menerusi kajian daripada Dea, L. F.,et.el(2022) yang bertajuk *Penerapan Metode Bercerita dalam Mengembangkan Sosial Emosional Anak*. Berdasarkan kepada hasil kajian ini telah mengkaji dari segi bagaimana ibubapa menggunakan cara untuk bercerita dalam mengembangkan emosi sosial anak-anak. Salah satu cara yang berkesan untuk mengembangkan sosial emosional anak ialah menggunakan kaedah bercerita. Bercakap tentang cerita yang berkaitan dengan perasaan dan interaksi sosial boleh membantu anak-anak mengenal pasti, memahami, dan mengendalikan perasaan mereka sendiri dan orang lain. Bercerita boleh membantu perkembangan sosial emosional kanak-kanak dengan pelbagai cara. Sebagai contoh, ibubapa boleh memilih cerita yang mengandungi tema emosional dan sosial seperti persahabatan, kerjasama, kejujuran, empati, mengatasi ketakutan, dan menyatakan perasaan tersebut. Kanak-kanak akan belajar tentang perasaan dan cara mengendalikannya dalam pelbagai situasi melalui cerita-cerita ini. Selain itu, ibubapa juga boleh menggunakan cara dengan menjelaskan emosi dengan tepat seperti membantu anak-anak untuk menyatakan perasaan mereka dengan kata-kata yang betul semasa bercakap tentang cerita. Dengan menggunakan kaedah bercerita, anak-anak boleh mendapat pengalaman belajar yang menyenangkan dan berfaedah yang membantu mereka meningkatkan keterampilan sosial emosional mereka. Dengan pemahaman dan kemahiran ini, anak-anak akan lebih bersedia untuk menangani cabaran dalam berinteraksi dengan orang lain dan mengelola emosi mereka dengan baik

Menerusi kajian daripada Janius, N., Ishar et.al (2023) yang bertajuk *Belajar Sambil Bermain di dalam Kelas Pada Peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. Kajian ini telah memfokuskan kepada belajar sambil bermain adalah kaedah yang sangat berkesan dan sesuai untuk kanak-kanak di peringkat pendidikan awal. Untuk memfasilitasi perkembangan kognitif, sosial dan emosional anak-anak usia dini, pembelajaran yang menarik dan interaktif adalah penting. Guru perlu mewujudkan persekitaran belajar yang bermain sambil belajar untuk membolehkan anak-anak tumbuh dan berkembang secara keseluruhan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pembelajaran yang menarik dan interaktif pada usia ini akan membantu membina dasar pembelajaran yang kukuh untuk seumur hidup.

Menerusi kajian daripada Dewi, S. R.,et.el (2023) yang bertajuk *Kecerdasan Emosi Pada Remaja* dari Jurnal Pendidikan. Dalam kajian ini telah mengetengahkan kepada emosi remaja dalam mengendalikan emosi mereka, dan ada juga yang sukar untuk mengawal emosi mereka.Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengetahui cara remaja mengendalikan emosi di panti asuhan Aisyiah: Batu Taba Ampek Angkek. Penelitian kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif.Sepertimana yang diketahui bahawa emosi remaja sangat kompleks yang melibatkan kepada perasaan dan pengalaman emosional yang dialami oleh remaja, biasanya antara usia 13 dan 19 tahun, dikenali sebagai emosi remaja. Ini adalah tempoh transisi yang penting dalam perkembangan seseorang, di mana terdapat perubahan fizik, sosial, dan emosional. Emosi remaja agak sukar untuk mengatasinya kerana mereka baru keluar dari kehidupan kanak-kanak, di mana emosi mereka akan cepat bertindak, memberontak, dan sukar untuk mengatasinya. Oleh itu, penting bagi orang tua, pendidik, dan masyarakat untuk menyokong dan memahami remaja. Mendengarkan

dan bercakap dengan mereka secara terbuka tentang perasaan mereka boleh membantu mereka mengelilingi cabaran dan memperoleh keterampilan emosional yang sihat juga penting untuk membantu remaja menangani isu yang lebih kompleks.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

2.2 Novel

Menerusi kajian Ambat, M. K., Polii,et.el (2023) telah membuat kajian yang bertajuk *Pesan Moral Dalam Novel “Cermin Tak Pernah Berdusta”*. Kajian telah menggunakan novel tersebut dalam menghasilkan kajian dengan baik. Oleh itu, dalammeneliti hasil kajian ini telah memfokuskan kepada pesan moral yang terdapat dalam novel Cermin Tak Pernah Berdusta. Namun begitu, didapati telah menemukan daripada hasil penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat lima prinsip moral yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu keimanan, ketakwaan, kejujuran, kecerdasan emosi , keteguhan dan kepedulian. Sebagai kesimpulan, novel ini sangat berguna untuk kanak-kanak dan remaja kerana ia boleh memberi mereka pengetahuan atau faedah yang membolehkan mereka berfikir dalam melakukan sesuatu dan mempunyai matlamat hidup yang jelas. Secara teori, penyelidikan ini mungkin bermanfaat sama ada baik untuk peneliti, pembaca dan bagi bidang sastera untuk meningkatkan pembentukan karakter.

Menerusi kajian daripada Yuniar, Z.et.el (2023) yang bertajuk *Nilai Karakter Dalam Novel Bedebah Diujung Tanduk*. Berdasarkan hasil kajian ini telah menemukan hasil penelitian ini disebabkan oleh rendahnya moral di kalangan generasi muda, terutamanya pelajar sekolah, yang sering kita lihat di pelbagai media massa. Krisis ini berpunca daripada isu moral dan moral yang berkaitan dengan pendidikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini menunjukkan bahawa masyarakat sudah mula kehilangan sifatnya sebagai bangsa yang baik dan adil. Penelitian ini bertujuan untuk menggambarkan nilai karakter yang digambarkan dalam novel Bedebah di Ujung Tanduk. Penelitian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Ini termasuk dalam kaedah kepustakaan, kaedah observasi,

kaedah analisis, dan kaedah dokumentasi. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa novel Bedebah di Ujung Tanduk karya Tere Liye mempunyai ciri-ciri karakter seperti jujur, bertanggungjawab, cerdas, sihat dan bersih, peduli, kreatif, dan gotong royong. Dalam novel ini terdapat banyak nilai karakter. Nilai-nilai ini ialah nilai kehidupan yang perlu dikembangkan dengan keperibadian seseorang sehingga ia menjadi satu kesatuan dalam tindakan manusia. Nilai-nilai ini akan membentuk keperibadian seseorang menjadi lebih baik lagi.

Dengan menerusi hasil kajian daripada Dilah, G. (2021) yang bertajuk *Kecerdasan Emosional Tokoh Perempuan Muslimah dalam Novel Assalamualaikum Beijing*. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menjelaskan kecerdasan emosional tokoh perempuan muslimah dalam Assalamualaikum Beijing, novel Asma Nadia. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian psikologi sastera kerana untuk melihat fenomena dalam bentuk kata-kata dan bahasa mengenai elemen psikologi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebijaksanaan emosional tokoh perempuan muslimah dalam novel tersebut seperti keupayaan untuk mengendalikan emosi, keupayaan untuk menggalakkan orang lain, dan keupayaan untuk membina hubungan. Kemampuan keupayaan untuk mengendalikan emosi merupakan keupayaan untuk mengendalikan dorongan dan mengatasi kesedihan dan kebimbangan. Kemampuan untuk memotivasi diri terdiri daripada keinginan individu untuk mencapai kejayaan dan memanfaatkan keadaan, halangan dan masalah diri sebagai sumber inspirasi. Hal ini kerana , dengan melalui hasil kajian ini dapat mengetengahkan kepada keupayaan seseorang tokoh perempuan itu dalam mengendalikan emosinya dalam kehidupan.

Menerusi kajian daripada Rohmah, B.,et.el (2022) yang bertajuk *Kecerdasan Emosi Hanum Dalam Novel "I Am Sarahza "*. Dengan menerusi hasil kajian dalam novel I am Sarahza oleh Hanum Salsabiela Rais dan Rangga Almahendra, penyelidikan ini mengkaji kecerdasan emosional dalam menangani konflik. Penelitian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dan psikologi sastera. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa kecerdasan emosional Hanum terdiri daripada lima komponen iaitu keupayaan untuk mengenali dan mengawal emosi sendiri, memotivasi diri sendiri, mengenali emosi orang lain, dan membina hubungan dengan individu lain. Oleh hal demikian itu, dengan menggunakan kelima-lima komponen kecerdasan emosi tersebut merupakan salah satu kajian yang tepat yang mana berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, melalui kajian pengkaji dapat memfokuskan kepada kecerdasan emosi dalam watak utama dalam novel "*I Am Sarahza*" di mana ia telah mengetengahkan kepada lima-lima komponen kecerdasan emosi dalam penghasilan kajian.

Menerusi hasil kajian daripada Afifah, F. L. (2020) yang bertajuk *Kecerdasan Emosional Tokoh Utama Dalam Novel "Tanah Surga Merah"*. Berdasarkan hasil kajian ini penggunaan jenis kecerdasan emosional dan komponennya adalah subjek penyelidikan ini yang memberi kesan kepada kecerdasan emosional watak utama dalam novel "Tanah Surga Merah". Penelitian ini menggunakan pendekatan Psikologi sastra ialah analisis karya sastera mengenai kepribadian watak. Hasil pertama kajian menunjukkan lima komponen kecerdasan emosional watak utama dalam buku "Tanah Surga Merah." Lima elemen ini iaitu keupayaan untuk memahami dan mengawal emosi seseorang, kemahiran memotivasi diri sendiri,

keupayaan untuk memahami perasaan orang lain, dan kemahiran untuk membina perhubungan dengan orang lain. Oleh hal demikian itu,, hasil penelitian ini menunjukkan jenis komponen kecerdasan emosional watak utama yang disebabkan oleh faktor yang tidak berkaitan dengan keluarga.

2.3 Teori Kecerdasan Emosi

Menurut Vitaloka, A. S. M. L., et.al (2019) yang bertajuk *Peran Kepuasan Kerja Dalam Memediasi Pengaruh Kecerdasan Emosional Terhadap Komitmen Organisasional* . Hasil dalam kajian ini pengkaji telah menerangkan bahawa peranan kepuasan kerja dalam mempengaruhi kecerdasan emosi terhadap komitmen organisasi. Hasil daripada analisis data menunjukkan bahawa kecerdasan emosi mempunyai kesan positif dan ketara terhadap tahap kepuasan kerja. Dengan menerusi hasil kajian ini telah memfokuskan kepada teori kecerdasan emosi Goleman pada tahun 1998 yang mana telah mengetengahkan kecerdasan emosi dalam bekerja. Hal ini kerana , dapat dikaitkan dengan tahap kepuasan kerja dalam mendiskriminasikan pengaruh kecerdasan emosi terhadap komitmen organisasi. Kecerdasan emosi yang baik dalam kerja boleh membantu individu menghadapi cabaran dan tekanan, berkomunikasi secara berkesan, membina hubungan kerja yang sihat, mengurus konflik, dan menyesuaikan diri dengan perubahan. Ia juga berkaitan dengan kesejahteraan mental dan kepuasan kerja, serta boleh menyumbang kepada prestasi yang lebih baik dalam karier.

Selanjutnya , berdasarkan kajian daripada Nasrin, N., et.el (2019) yang bertajuk Kecerdasan Emosi (EI) Dan Perbezaan Gender Dalam Pekerjaan . Daripada hasil kajian ini pengkaji telah membahaskan mengenai kecerdasan emosi (EI) sering dikaitkan dengan gender di tempat kerja. Kajian baru-baru ini menunjukkan terdapat banyak penemuan yang berbeza yang menunjukkan bahawa gender berbeza secara signifikan dalam kecerdasan emosi (EI). Oleh itu, kajian yang dijalankan telah mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dan pengaruh kecerdasan emosi (EI) di kalangan gender. Kajian ini telah mengetengahkan kepada penggunaan teori kecerdasan pada tahun 1998 yang memfokuskan kepada kecerdasan emosi dalam bekerja. Hal ini kerana, teori dalam kajian ini boleh diketengahkan dengan menggunakan elemen dalam hubungan sosial kerana kajian ini telah melibatkan kepada isu perbezaan jantina. Oleh hal demikian itu, isu ini boleh difokuskan dengan menggunakan elemen dalam teori kecerdasan emosi Goleman pada tahun 1998 agar perbezaan jantina dalam pekerjaan boleh melibatkan kepada gangguan emosi juga.Justeru, teori ini sangat ditekankan dalam hasil kajian ini.

Oliver dan T. (2020). *Pentingnya Pembangunan Kecerdasan Emosi Subordinate di Tempat Kerja*.Daripada hasil kajian ini telah memberi tumpuan eksklusif kepada pimpinan eksekutif, kajian ini menganalisis makna kecerdasan emosi di seluruh spektrum pekerja organisasi. Data daripada sejumlah besar kajian menyokong premis bahawa tahap kecerdasan emosi yang tinggi adalah sama penting di peringkat bawah organisasi seperti yang dipercayai pada asalnya untuk peringkat atas organisasi. Kecerdasan emosi tidak lagi boleh dianggap sebagai alat eksklusif untuk set alat pengurus, tetapi ia adalah alat ketahanan, penyesuaian, dan kejayaan untuk semua pekerja di seluruh organisasi.

Menerusi Jurnal Antarabangsa Analisis Organisasi (2020) telah mengkaji tentang kesan kecerdasan emosi dan keadilan organisasi pada kepuasan kerja, penjagaan iklim, dan prestasi pegawai siasatan jenayah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan kecerdasan emosi dan keadilan organisasi pada kepuasan kerja dan iklim penjagaan dan kesannya pada prestasi kakitangan siasatan jenayah. Penyelidikan ini mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara kecerdasan emosi dan kepuasan kerja, keadilan organisasi, kesejahteraan kerja melalui kecerdasan emosi. Secara umum, ia telah menunjukkan bahawa kecerdasan emosi mempunyai kesan langsung yang signifikan pada prestasi, kepuasan kerja dan iklim penjagaan. Selain itu, kecerdasan emosi mempunyai kesan tidak langsung pada prestasi melalui kepuasan kerja dan iklim penjagaan. Penyelidikan ini akan membangunkan hubungan antara variabel kecerdasan emosi dan variabel iklim penjagaan dan hubungan antara perubahan keadilan organisasi dan variable iklim peduli. Hal ini kerana, menerusi hasil kajian ini, boleh ditekankan dengan penggunaan elemen hubungan sosial dalam mengatasi kesan kecerdasan emosi tahap kepuasan bekerja. Di samping itu, elemen yang kedua dalam teori kecerdasan emosi juga dapat diketengahkan kerana boleh melibatkan kepada penjagaan emosi. Oleh hal demikian itu, penggunaan teori dalam kajian ini sangat diketengahkan bagi melengkapi hasil kajian dengan baik.

Menerusi hasil kajian daripada Ahmad, A. A., et.al (2020) yang bertajuk *Pengaruh kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga terhadap stress akademik murid sekolah menengah*. Dalam kajian ini telah menggunakan teori kecerdasan emosi bagi menghasilkan kajian ini dengan sebaiknya.

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan hubungan dan kesan kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan keluarga persekitaran terhadap stress akademik pelajar sekolah menengah luar bandar Sekolah Bahagian Tawau di Negeri Sabah menggunakan instrumen kecerdasan emosi dalam kajian ini oleh Cadman dan Brewer dengan menggabungkan konsep Model Mayer dan Salovey: Four Branch Emotional Intelligence Model, oleh Goleman dan Noriah. Oleh hal demikian itu, berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa teori kecerdasan emosi mengikut pandangan yang berlainan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya , bagi keseluruhan hasil kajian yang telah dibuat dalam bab ini yang berkenaan dengan sorotan kajian lepas. Sorotan kajian lepas ini sangatlah penting ia merupakan hasil kajian yang memberikan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam terhadap tajuk kajian yang bersangkut paut dengan bidang yang dikuasai. Oleh hal demikian itu , jelaslah bahawa hasil sorotan penyelidikan lepas sangatpenting dalam mencari kumpulan penyelidik. Selain itu , pengkaji juga turut dapat mengetahui dari segi aspek sama ada yang boleh dikaji ataupun yang tidak boleh dikaji. Hal ini kerana , rujukan-rujukan daripada teks juga dapat membantu sedikit sebanyak dalam menghasilkan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan dan menjelaskan metodologi kajian kualitatif serta konsep dan konsep penting yang berkaitan dengan kajian dan kerangka teori. Matlamat kajian adalah untuk membincangkan metodologi kajian dan kerangka teorinya. Dalam proses penyempurnaan kajian ini, emosi, model kecerdasan emosi, teori kecerdasan emosi Daniel Goleman dan kerangka teori kajian diambil kira. Setiap bab akan membantu anda memahami mengapa kajian ini memilih teori Kecerdasan Emosi. Teori ini digunakan untuk menunjukkan bahawa novel tertentu mengandungi elemen yang melampaui perasaan masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang telah dikategorikan kepada kaedah kepustakaan , pengumpulan data dan juga pengolahan data. Metodologi kajian ini digunakan untuk tujuan dalam membantu pengkaji bagi melengkapkan analisis kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian reka bentuk kajian merupakan kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul dan menganalisis data, dan reka bentuk adalah asas kajian. Pelbagai aspek termasuk dalam reka bentuk kajian ini seperti metodologi kajian, kaedah persampelan, kaedah pengumpulan data, kaedah pemprosesan dan analisis data, serta kaedah penulisan laporan (Suriyati, Merhayati dan Fazlin,2012). Untuk mencapai matlamat kajian, kaedah yang digunakan adalah sesuai untuk mendapatkan jawapan kepada setiap soalan. Dalam proses penganalisisan, kaedah pengumpulan data

kualitatif digunakan, seperti kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah internet.

3.2 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif ialah pendekatan penyelidikan yang berasaskan kualiti sumber yang digunakan sebagai rujukan dan panduan untuk penyelidik. Menurut Azizah Hamzah (2004:5) kaedah kualitatif ini sangat menitikberatkan pencarian dan penyediaan pemerhatian dan keterangan walaupun terdapat keterangan statistik. Data deskriptif, sama ada lisan atau tulisan, adalah sumber penyelidikan reka bentuk kualitatif. Kaedah kualitatif ialah proses kajian yang menghasilkan data dalam bentuk imej, menurut Lexy (2007). Terdapat pelbagai teknik yang digunakan dalam reka bentuk kualitatif ini. Oleh itu, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis teks kepustakaan, kedah internet dan aplikasi Teori Kecerdasan Emosi digunakan dalam kajian ini.

3.3 Kaedah Kajian

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kajian ini telah menggunakan penyelidikan yang bersumberkan kepada keterangan dari dokumen yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan oleh pengkaji. Selain itu, mereka yang melakukan penyelidikan juga menggunakan kajian terdahulu, seperti tesis, artikel, jurnal untuk mengkaji gaya penulisan dan sebagai sumber untuk menilai teori dan elemen dalam

kajian ini . Kemudian, pengkaji menggunakan maklumat yang tersedia di perpustakaan untuk mendapatkan sumber tambahan untuk menyempurnakan kajian analisis. Selain itu, pengkaji melawat Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk dijadikan sebagai rujukan tambahan yang berkaitan penyelidikan yang dikaji.

3.3.2 Kaedah Analisis Teks

Memandangkan subjek utama kajian adalah novel, analisis teks adalah kaedah yang paling penting untuk mendapatkan data. Tajuk penyelidikan ialah Emosi Kanak-kanak dalam Novel *Budak California*. Oleh itu, novel hasil karya Mass Ruhaiwa Ali *Budak California* adalah bahan utama yang dikaji oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Pada 2017, Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan novel ini. Novel untuk kanak-kanak ini terdiri daripada 124 halaman. Maklumat dan data yang diperoleh digunakan untuk mencapai matlamat kajian kerana kaedah analisis teks ini dijalankan dengan teliti. Untuk menghasilkan kajian yang berkualiti tinggi, pengkaji membaca dan meneliti setiap isi kandungan dalam buku *Budak California* bagi menghasilkan kajian dengan sebaik mungkin.

3.3.3 Kaedah Laman Sesawang

Istilah "laman sesawang" merujuk kepada halaman web atau laman web. Sebarang laman yang boleh diakses melalui pelayar web seperti Chrome, Firefox, atau Safari termasuk dalam kategori ini. Laman web boleh mengandungi pelbagai jenis kandungan, termasuk teks, gambar, video, audio, bentuk interaktif, dan sebagainya. Rujukan bagi laman sesawang yang berkaitan dengan artikel yang merupakan satu alternatif yang sangat mudah untuk pengkaji merujuk bahan. Laman sesawang digunakan untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian *Emosi Watak Kanak-kanak Dalam Novel Budak California*. Terdapat beberapa laman sesawang yang telah digunakan oleh pengkaji , di antaranya ialah daripada Google Scholar, Pre PostSeo , Academia.edu dan banyak lagi.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.4 Teori Kecerdasan Emosi

Dunia Barat telah sedar bahawa kecerdasan emosi adalah penting untuk kejayaan seseorang sejak tahun 1995. Ini adalah hasil daripada kegagalan berterusan dalam kalangan individu dengan IQ yang tinggi. Ini termasuk peningkatan kadar tahap tekanan emosi, dan ketidakupayaan untuk menangani tekanan. Disebabkan fakta bahawa kebijaksanaan intelektual sahaja tidak mampu menghasilkan individu yang benar-benar cemerlang, kerana EQ mula memainkan peranan penting dalam pemulihan jiwa manusia yang semakin kering dan kurang adanya sifat kemanusiaan dalam diri. Sebaliknya, kestabilan emosi, perwatakan, nilai dan konsep diri adalah penting untuk membina semula jiwa manusia. Menurut Goleman 1995, Teori Kecerdasan Emosi dibahagikan kepada lima bahagian iaitu kesedaran diri sendiri atau lebih dikenali dengan mengenali emosi diri sendiri,, kemampuan mengelola emosi , menggunakan emosi secara positif, kemampuan berempati dan hubungan sosial. Namun begitu, pengkaji telah memilih tiga bahagian sahaja daripada lima menurut pandangan Daniel Goleman 1995.

3.4.1 Mengenali emosi

Mengenali emosi diri sendiri merupakan kemampuan kita untuk membezakan,memahami, dan mengendalikan emosi kita sendiri dan orang lain. Bahkan juga ia termasuk dengan memahami emosi kita sendiri dan mengenali emosi orang lain juga melalui bahasa tubuh, ekspresi wajah, dan komunikasi lisan.Secara keseluruhan, mengenali emosi diri sendiri adalah satu kemahiran penting untuk menjadi lebih baik dalam diri sendiri dan dalam hubungan sosial. Ini meningkatkan kualiti hidup dan interaksi kita dengan orang lain, serta

membolehkan kita menjadi lebih peka, dan empati dalam mengenali emosi kita sendiri.

3.4.2 Mengendalikan emosi

Mengelola emosi yang membawa maksud mengurus emosi ialah istilah yang merujuk kepada cara kita mengendalikan dan mengatur emosi kita. Ini termasuk cara kita mengenali, memahami dan menangani emosi kita dengan baik. Secara keseluruhan, mengurus emosi adalah suatu proses yang penting untuk pembangunan diri dan kesejahteraan emosional. Ini membolehkan kita mengelola dan merespons emosi dengan sihat, serta dapat mengurangkan kesan negatif, dan mencapai keseimbangan dengan kualiti hidup yang lebih baik.

3.4.3 Menggunakan emosi secara positif

Keupayaan untuk menggunakan emosi secara positif adalah penting untuk mencapai matlamat dan meningkatkan kualiti hidup. Penggunaan emosi yang positif boleh membantu mengubah kehidupan menjadi lebih bahagia dan produktif, bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang lain. Ingatlah bahawa menggunakan emosi secara positif adalah proses yang berterusan, dan adalah penting untuk memberi diri anda peluang untuk belajar dan berkembang dari setiap pengalaman yang dialami.

3.4.4 Berempati

Kemampuan untuk berempati adalah kemampuan untuk mengalami dan memahami perspektif, pandangan, dan pemikiran orang lain. Ini termasuk keupayaan untuk memahami dan mengetahui emosi, keperluan, dan keinginan orang lain, serta keupayaan untuk bertindak dan membantu orang lain dalam situasi tertentu. Kemahiran untuk berinteraksi dengan orang lain adalah penting untuk membina hubungan yang baik dalam kehidupan profesional dan peribadi. Dengan berempati, boleh mewujudkan persekitaran yang lebih menyokong dan mesra.

3.4.5 Hubungan sosial

Melalui kecerdasan emosi, kita boleh membina hubungan sosial yang sihat dan harmoni. Keterampilan yang penting dalam kehidupan sehari-hari ialah membina hubungan sosial melalui kecerdasan emosi. Kemampuan untuk mengenali, memahami, menguruskan, dan mengungkapkan emosi seseorang atau orang lain dikenali sebagai kecerdasan emosi. Membangunkan hubungan sosial melalui kecerdasan emosi memerlukan waktu dan usaha, tetapi ia akan memperkaya kehidupan kita dengan ikatan yang lebih kukuh dan bermakna dengan orang lain.

3.5 Bahagian yang terpilih dalam Teori Kecerdasan Emosi Goleman

3.5.1 Mengenali emosi

Dalam bahagian pertama iaitu mengenali emosi iaitu merujuk kepada keupayaan seseorang untuk mengawal emosinya, sama ada marah, benci atau bosan. Walaupun kesedaran kendiri tidak bermakna seseorang itu terbawabawa atau berlebihan dengan emosinya, ia membolehkan seseorang itu menyedari emosi yang merayap dalam fikirannya dan menguasainya. Menurut Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 1998 telah menyatakan bahawa kesedaran tentang hubungan antara buah fikiran, perasaan dan tindakan juga disebut pada peringkat ini. Seseorang akan dapat membuat keputusan yang bijak apabila mereka tahu jenis emosinya. Kesedaran kendiri bermakna mempunyai keyakinan yang kukuh dalam diri sendiri. Dalam keadaan seperti ini, suara hati adalah penting kerana ia akan mendorong seseorang untuk membuat keputusan terbaik. Menurut Goleman, kesedaran kendiri adalah penting untuk pembangunan kecerdasan emosi kerana ia membolehkan seseorang melepaskan keadaan hati yang tidak menyenangkan.

3.5.2 Mengendalikan emosi

Manakala bagi bahagian yang seterusnya iaitu mengendalikan emosi. Seseorang akan menjadi bosan apabila emosi mereka ditekan terlalu banyak,


dan gangguan emosional yang berlebihan boleh menyebabkan pelbagai penyakit, menurut Goleman (1995). Namun begitu, dengan adanya pelbagai emosi akan melanda diri seseorang sepanjang hidup, seseorang tidak dapat menentukan emosi mana yang akan menguasai dirinya. Kadang-kadang seseorang itu menikmati masa yang bahagia dalam kehidupannya, tetapi suatu hari emosi negatif pasti akan menguasainya. Orang ramai tidak dapat mengelak daripada mengalami emosi positif dan aspek negatif dalam kehidupannya kerana kedua-dua emosi ini menunjukkan bagaimana seseorang boleh mencapai kebahagiaan. Sebagaimana dinyatakan oleh Goleman (1995), menjauhi perasaan yang tidak menyenangkan tidak menjamin bahawa seseorang akan sentiasa bahagia, tetapi seseorang tidak boleh membiarkan kesedihan itu berterusan sehingga ia menghapuskan semua suasana hati yang menyenangkan dalam hidup mereka. Orang yang mengalami depresi atau tahap kemarahan yang tinggi masih boleh merasakan kebahagiaan jika mereka dapat menguruskan emosi negatif sangat baik. Walaupun emosi datang tanpa diundang, seseorang itu harus mengambil tindakan yang bijak untuk mengendalikan emosi negatif supaya ia tidak memberi kesan buruk kepada diri sendiri. Untuk mengendalikan emosi yang buruk, anda boleh belajar beberapa teknik, seperti memikirkan kembali rangsangan yang menyebabkan emosi itu, mencabar fikiran yang menyebabkan emosi itu dan mengalihkan perhatian anda daripada masalah kepada perkara yang boleh meredakan emosi itu (Sohaimi Abdul Aziz 1998).

3.5.3 Berempati

Kemampuan seseorang untuk berempati bermakna mereka mempunyai keupayaan untuk memahami, merasakan, dan memahami pandangan, perasaan, dan pendirian orang lain. Ini memerlukan pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman dan emosi orang lain, yang membolehkan seseorang memahami perasaan orang lain. Berempati adalah keterampilan sosial yang sangat berguna kerana ia membolehkan kita membangunkan hubungan yang lebih baik dengan orang lain, memperkuat hubungan interpersonal, dan menunjukkan dukungan dan kedulian yang lebih besar kepada orang di sekeliling kita. Banyak pakar dalam pelbagai bidang, seperti psikologi, memahami idea kemahiran berempati. Carl Rogers (1902–1987) ialah seorang psikolog humanistik terkenal yang membangunkan "Kaunseling Keperibadian." Menurut Rogers (1987) telah menyatakan bahawa kemahiran berempati adalah ciri penting dalam kaunseling yang berkesan. Ia percaya bahawa terapi yang berempati akan dapat memahami dan merasakan sepenuhnya pengalaman klien untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong kemajuan dan perubahan positif. Empati bukanlah sesuatu yang dibawa secara semula jadi, tetapi ia boleh dibangunkan dan ditingkatkan melalui kesadaran diri, latihan, dan keinginan untuk memahami orang lain. Membangunkan keupayaan untuk berempati memerlukan kesediaan untuk meletakkan diri kita di tempat orang lain, mengambil kira orang lain, dan meluangkan masa untuk mendengar dan menghargai orang lain.

3.6 Kerangka Konseptual

Dalam pelbagai bidang penelitian atau disiplin ilmu, dasar pemahaman dan interpretasi dibentuk melalui panduan teori yang dikenali sebagai kerangka konseptual. Kerangka konseptual menyediakan struktur konseptual yang membantu mengorganisasikan konsep, hubungan, dan prinsip dasar yang berkaitan. Bentuk yang boleh digunakan untuk menyediakan kerangka konseptual termasuk peta konsep, diagram, atau bahkan deskripsi naratif. Ini bergantung kepada pengkaji yang menjalankan penyelidikan dalam bidang penyelidikan. Selain itu, kerangka konseptual sering berubah semasa penyelidikan dijalankan kerana penemuan baru dan analisis yang lebih mendalam serta boleh meningkatkan dan juga boleh mengubahcara pengkaji memahami kajian .



Rajah 1: Kerangka Kajian

3.7 Kesimpulan

Kajian ini mengkaji gambaran kecerdasan emosi dalam novel *Budak California* menggunakan teori Kecerdasan Emosi Goleman. Oleh itu, bab 3 membincangkan metodologi kajian yang penting kerana ia merupakan asas penting untuk menjalankan penelitian yang berkesan. Hal ini kerana, dengan melalui reka bentuk, kaedah kajian , pemilihan Teori Kecerdasan Emosi yang dapat dilihat melalui bab 3.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan menganalisis dapatan kajian yang berkaitan dengan dua objektif kajian. Objektif pertama kajian ialah mengenal pasti bentuk-bentuk emosi watak kanak-kanak dalam novel *Budak California* dengan menggunakan Teori Kecerdasan Emosi Goleman. Kecerdasan emosi ditakrifkan oleh Goleman (1999) sebagai keupayaan untuk mengenali perasaan sendiri dan orang lain, serta dapat membuat pilihan berdasarkan emosi sendiri, dan membina hubungan dengan orang lain. Goleman (1999) juga menyatakan bahawa mereka yang tidak dapat mengawal emosi mereka serta menghadapi kesukaran untuk berinteraksi dengan orang lain. Teori Kecerdasan Emosi terdiri daripada dua kemahiran iaitu kemahiran sosial dan kemahiran peribadi. Keupayaan untuk kedua-dua kebolehan ini membolehkan seseorang itu dapat memikul tanggungjawab dan berinteraksi dengan masyarakat dengan baik. Dalam teori kecerdasan emosi Goleman telah dibahagikan kepada lima kategori iaitu mengenali emosi diri sendiri, mengelola emosi, menggunakan emosi secara positif, kemampuan berempati, dan hubungan sosial.

Emosi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:388) ialah perasaan kuat yang disebabkan oleh sesuatu, seperti marah, sedih, gembira, takut, dan sebagainya. Selain itu, emosi boleh ditakrifkan sebagai keadaan jiwa yang berubah-ubah mengikut keadaan, persekitaran, atau pengalaman seseorang. Emosi membentuk sebahagian besar kehidupan manusia kerana ia mempengaruhi pemikiran, hubungan sosial, dan tingkah laku. Selain itu, emosi juga mempunyai kaitan dengan motivasi seseorang, personaliti,

dan juga kesihatan mental. Tambahan pula emosi boleh dibahagikan kepada beberapa jenis antaranya ialah emosi positif, emosi negatif, emosi dasar, dan juga emosi sosial. Emosi membentuk sebahagian besar kehidupan manusia kerana ia mempengaruhi pemikiran, hubungan sosial, dan tingkah laku. Oleh itu, adalah penting untuk mengenali, menyatakan, dan mengelola emosi dengan betul.

Di samping itu, setiap manusia memiliki emosi masing-masing tidak kira muda ataupun sudah tua dan emosi boleh dari segi sudut sama ada dalam diri kanak-kanak, remaja mahupun dewasa. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti emosi kanak-kanak serta mencadangkan kaedah untuk mereka mengawal emosi. Emosi kanak-kanak yang dilihat adalah apabila ia memiliki perasaan jiwa, gerak hati, tindak balas fisiologi dan ekspresi emosi apabila mereka berinteraksi dan berkomunikasi dengan persekitaran mereka. Kanak-kanak boleh menggunakan emosi mereka untuk memahami, dan mengawal emosi mereka sendiri dan orang lain. Kanak-kanak biasanya mengalami pelbagai emosi, termasuk gembira, sedih, takut, malu, bahagia, rasa bersalah dan marah. Kanak-kanak boleh menunjukkan perasaan mereka dengan senyuman, ketawa, tangisan, jeritan, pelukan, atau lemparan. Selain itu, emosi kanak-kanak boleh berubah dengan cepat bergantung pada keadaan, pengalaman mereka sendiri, dan beberapa faktor yang lain.

Justeru itu, novel ini sesuai untuk dijadikan sebagai analisis laporan dengan menggunakan teori kecerdasan emosi Goleman, kerana novel ini menunjukkan bagaimana watak kanak-kanak dalam novel ini dalam mengatasi masalah-masalah yang dihadapinya. Novel *Budak California* karya Mass Ruhaiza Ali menggambarkan contoh-

contoh yang menarik dan relevan untuk menerangkan seoperti yang dikemukakan oleh Teori Kecerdasan Emosi Goleman.

4. 1 Bentuk-bentuk emosi watak kanak-kanak

Menurut Goleman (1999), emosi ialah pergolakan fikiran dan perasaan yang termasuk sebarang keadaan mental yang hebat, meluap-luap dan menyebabkan timbulnya suatu perasaan tertentu, perubahan fisiologi tertentu dan keinginan untuk bergerak. Goleman (2000) juga telah menyatakan bahawa kecerdasan emosi ialah keupayaan untuk mengenali perasaan kita sendiri dan perasaan orang lain, memotivasiikan diri sendiri, dan mengelola emosi dengan baik dalam hubungannya dengan diri sendiri dan orang lain. Justeru itu, dalam novel *Budak California* terdapat beberapa bentuk emosi watak kanak-kanak yang ditunjukkan oleh Hanum dan rakan-rakannya. Novel ini mengisahkan tentang pengalaman Hanum, seorang gadis yang baru berpindah dari California, Amerika Syarikat ke Malaysia. Hanum menghadapi pelbagai cabaran dan masalah untuk menyesuaikan diri dengan budaya, bahasa, cuaca, dan peraturan sekolah yang berbeza. Dia juga perlu berhadapan dengan Qistina, ketua kelasnya yang tidak menyukainya, dan Ustazah Aishah, guru agamanya yang salah faham tentang latar belakangnya. Novel ini menunjukkan bagaimana Hanum berusaha untuk menyelesaikan masalahnya dengan bantuan rakan-rakan dan keluarganya, serta menemui identiti dan kekuatan dirinya sendiri.

Jadual 1: Bentuk-bentuk emosi kanak-kanak yang terdapat dalam novel *Budak California*:

Bentuk-bentuk emosi	Watak kanak-kanak		Aspek Komponen Teori Kecerdasan Emosi Goleman
	Hanum	Qistina	
Marah		/	Mengenal emosi diri
Gembira	/		Menggunakan emosi secara positif
Takut	/		Mengendalikan emosi
Rasa bersalah	/		Berempati
Sedih	/		Mengendalikan emosi
Malu	/		Mengenal emosi
Bahagia	/		Hubungan sosial

UNIVERSITI
 —————
 MALAYSIA
 —————
 KELANTAN

4.1.1 Marah

Menurut Rita Susanti (2014), emosi marah ialah keadaan emosional yang termasuk perasaan tidak senang dan subjektif. Walau bagaimanapun, tahap emosional berbeza-beza mulai daripada marah yang hanya menjengkelkan hingga ke amarah yang sangat kuat. Emosi marah boleh diperjelaskan apabila seseorang merasa tidak puas, tersinggung, terancam, atau terluka oleh sesuatu atau seseorang, mereka mengalami emosi marah. Selain itu, emosi marah boleh memberi kesan kepada perlakuan seseorang, seperti ekspresi wajah yang tegang, ucapan kasar atau melakukan tindakan agresif. Menurut Suhaimi Abdul Aziz (1997 :228) telah mengatakan bahawa emosi marah adalah satu perasaan marah dan juga merupakan salah satu daripada lapan ekspresi sastera yang mempunyai hubungan dengan situasi yang memaparkan perkara yang tidak bagus, jijik, palsu atau perkara yang memudaratkan. Emosi marah boleh berfungsi sebagai penggerak untuk menghadapi cabaran, menyelesaikan isu, atau mempertahankan hak diri dan orang lain dan emosi marah ini yang melibatkan kepada rakan Hanum yang bernama Qistina. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

HANUM, ini meja saya! Awak duduk di meja sana. Jangan cuba usik barang saya di bawah laci itu! Kata-kata Qistina yang separuh menjerit itu membuatkan kelas Tahun 5 Efektif yang riuh rendah sebelum itu menjadi sunyi.

(Mass Ruhaila Ali, 2017: 1)

Menurut kepada teori kecerdasan emosi Goleman (1999) telah memfokuskan kepada aspek yang pertama iaitu mengenal emosi diri sendiri merujuk kepada keupayaan seseorang itu mengenali emosi yang telah menguasai dirinya sendiri sama ada marah, benci, tidak puas hati, dan bosan. Hal ini kerana, mengenal emosi diri ini apabila seseorang itu dapat melepaskan sesuatu yang tidak puas hati dalam dirinya.

Berdasarkan kepada petikan tersebut telah menyatakan bahawa melalui watak Qistina yang telah memarahi Hanum kerana Hanum telah duduk di tempat mejanya sedangkan Hanum merupakan seorang pelajar yang baharu berpindah di Sekolah tersebut. Oleh itu, perkara ini dapat dijelaskan bahawa seseorang perlu mengenal emosi diri kita sendiri kerana ia bukan mudah untuk mengatasinya dan memerlukan kepada kesabaran yang tinggi. Walau bagaimanapun, kita mempunyai keupayaan untuk meningkatkan kualiti hidup kita dan meningkatkan kesihatan mental dan fizikal kita dengan mengenali emosi kita sendiri. Kita boleh meminta bantuan daripada orang yang kita percayai, seperti rakan, keluarga atau pakar psikologi, jika kita menghadapi kesukaran untuk memahami emosi kita sendiri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.1.2 Gembira

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 453) menyatakan bahawa gembira ialah perasaan gembira, kegembiraan, kepuasan, dan keseronokan. Gembira ialah perasaan yang menggembirakan yang mana ia telah membawa kepada sesuatu kegembiraan dan keseronokan. Dalam konsep ini telah menjelaskan bahawa keupayaan seseorang untuk menggunakan emosi secara positif kerana ia dapat membantu mengubah kehidupan yang lebih baik, malah ia bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi ia juga melibatkan kepada orang lain. Hal ini dapat dibuktikan kepada petikan di bawah:

Tanpa disedari, aku bertepuk tangan keriangan. Orang yang ku nanti-nantikan telah tiba. Hatiku berbunga ceria, walaupun wajah yang dinantikan tidak seperti yang aku harapkan.

(Mass Ruhaiza Ali, 2017:118)

Gembira juga boleh bermaksud bernasib baik atau mujur. Gembira telah dikategorikan kepada aspek kompenan teori kecerdasan emosi Goleman (1999) yang ketiga iaitu menggunakan emosi secara positif. Berdasarkan kepada petikan tersebut telah menceritakan bahawa watak kanak-kanak yang bernama Hanum merasa gembira dengan kehadiran Qistina di dalam kelas dan Hanum sangat seronok apabila dapat berjumpa dengan Qistina walaupun reaksi Qistina tidak seperti Hanum yang memiliki perasaan terlalu seronok sehingga dapat memberi tepukan. Hal ini kerana, apabila diri seseorang telah meletakkan situasinya dalam keadaan positif maka emosi akan memberi kesan yang baik dalam diri.

4.1.3 Takut

Definisi rasa takut terdiri daripada pelbagai perasaan jasmaniah dan emosional dan agak kompleks (Soelasmono,2011). Takut boleh ditakrifkan sebagai rasa "tak senang" atau "cemas" yang disebabkan oleh ancaman, bahaya, atau rasa sakit. Takut, salah satu emosi dasar manusia yang berfungsi sebagai mekanisme pertahanan hidup. Takut boleh memberi kesan kepada tingkah laku, fikiran, dan tubuh seseorang. Perasaan takut ini apabila seseorang itu pernah mengalami situasi kejadian yang agak menakutkan dan peristiwa yang ngeri yang tidak dapat dilupakan. Bagi menyokong perkara tersebut dan dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Pertama kalinya aku mengalami gegaran gempa bumi dalam hidupku. Sememangnya peristiwa itu tidak dapat kulupakan sehingga ke hari ni. Malah sering menjadi mimpi ngeriku.

(Mass Ruhaiza Ali ,2017: 45)

Dentuman guruh yang mengaum dengan kuat secara tiba-tiba membuatkan aku terkejut. Hampir sahaja aku menjerit. Tanpa berlengah, aku masuk ke bawah meja.

(Mass Ruhaiza Ali ,2017 : 45)

Perasaan takut ataupun emosi takut merupakan aspek kompenan dalam teori kecerdasan emosi Goleman (1999) yang kedua iaitu kemampuan mengelola emosi yang membawa maksud kepada mengurus emosi serta dapat mengendalikan emosi dengan baik. Keupayaan untuk mengawal emosi adalah penting untuk kesejahteraan mental dan kualiti hidup. Hal ini kerana, sekiranya seseorang itu dapat mengurus emosi dengan baik ia dapat mengurangkan kesan yang negatif serta mencapai keseimbangan hidup yang lebih baik. Oleh hal demikian itu, berdasarkan kepada petikan di atas menceritakan bahawa watak Hanum yang mencuba untuk mengurus ataupun mengelola

emosinya daripada perasaan takut terhadap bunyi guruh yang kuat dan telah mengingatkannya tentang peristiwa yang buruk pernah berlaku ketika mana ia berada di sekolah lamanya iaitu di California. Namun, di sini dapat dilihat watak Hanum mengawal perasaan takutnya dengan memasuki bawah meja walaupun dirinya hampir ingin menjerit kerana ketakutan bunyi guruh. Justeru, tindakan tersebut merupakan tindakan yang bagus apabila diri seseorang itu mencuba untuk mengendalikan emosinya supaya tidak ke arah yang negatif dan boleh merosakkan kesejahteraan emosional dalam diri.

4.1.4 Rasa bersalah

Rasa bersalah ialah perasaan yang dialami oleh seseorang apabila mereka percaya bahawa mereka telah melakukan sesuatu kesalahan. Rasa bersalah boleh membantu seseorang melakukan perkara yang betul dan belajar daripada kesilapan mereka. Untuk mengatasi rasa bersalah, seseorang perlu mengetahui apa yang menyebabkan mereka berasa bersalah, meminta maaf jika perlu, dan memaafkan diri sendiri.

Ku perhatikan Qistina hanya berbual-bual dengan Amirah dan Nabila. Zalifah yang duduk bersama-sama mereka tidak ambil pusing. Zalifah makan sendirian walaupun mereka di meja yang sama. Aku rasa bersalah. Kasihan Zalifah. Mungkin dia disingkirkan secara perlahan-lahan. Mahu sahaja aku ke meja tersebut dan menarik Zalifah untuk duduk bersama-samaku. Namun, aku bimbang tindakan begitu akan memudaratkan lagi keadaan. Rasa bersalah semakin menebal di hatiku.

(Mass Ruhaiza Ali ,2017 : 53)

Rasa bersalah merupakan satu sikap yang baik sekiranya seseorang melakukan kesilapan serta untuk mengelakkan berlakunya sesuatu perkara yang tidak diinginkan. Berdasarkan kepada teori kecerdasan emosi Goleman (1999) perasaan rasa bersalah boleh dikategorikan dalam aspek kompenan yang keempat iaitu kemampuan berempati. Menurut Goleman (1999) kemampuan berempati adalah keupayaan untuk memahami dan mencuba untuk membantu orang lain dalam situasi tertentu serta dapat membina hubungan yang baik secara profesional. Oleh hal demikian itu, merujuk kepada petikan tersebut dalam watak Hanum yang merasa bersalah terhadap rakannya yang bernama Zalifah disebabkan ia mencuba untuk berkawan dengan Zalifah maka Hanum telah melihat Zalifah hanya duduk bersendirian tanpa bercakap apa-apa walaupun tempat yang Zalifah duduk itu bersama-sama rakannya yang lain iaitu Qistina, Amira dan Nabila. Namun begitu, Hanum merasakan bahawa dirinya punca di antara Zalifah dengan rakannya yang lain iaitu Qistina tidak bercakap antara satu sama lain. Namun begitu, Hanum mencuba untuk mencari jalan supaya mereka berbaik semula.

Hal ini kerana, sikap yang ada dalam diri Hanum ini merupakan satu sikap yang baik dan patut dicontohi walaupun dirinya tahu Qistina tidak menyukainya tetapi dia tidak bermusuh dengan Qistina, malah mencuba untuk berkawan dengan Qistina. Oleh hal demikian itu, perasaan rasa bersalah perlu diterapkan dalam diri kita namun tidaklah terlalu berlebihan kerana ia boleh dan mempunyai kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan mental individu. Rasa bersalah yang berlebihan boleh menyebabkan gangguan kecemasan, stress, depresi, dan rendah diri. Walaupun rasa bersalah adalah emosi yang normal dan ia tidak boleh dibiarkan mengambil alih dan membawa kepada kerosakan diri. Seseorang boleh menangani dan mengelola rasa bersalah dengan cara

yang sihat. Ini membolehkan mereka belajar dari kesilapan mereka dan menjadi individu yang lebih baik dan lebih bahagia.

4.1.5 Sedih

Kita biasanya sebagai seorang insan yang tidak lari dari mengalami emosi yang dipanggil kesedihan apabila sesuatu peristiwa yang boleh menyakitkan, mengecewakan, atau menyedihkan. Kesedihan adalah normal kerana ia menunjukkan bahawa kita memiliki perasaan dan perhatian terhadap diri kita sendiri dan orang lain. Selain itu, kesedihan mempunyai keupayaan untuk mengajar kita, membangunkan kita, dan menghargai perkara yang baik dalam hidup. Menerusi novel *Budak California* yang ditunjukkan oleh watak Hanum telah mengalami emosi sedih yang menguasai dirinya. Hal ini demikian kerana Hanum merasa sedih apabila dirinya tidak diberi layanan yang baik semenjak berpindah di sekolah baharunya. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Aku sedar, sebagai murid baharu, aku perlu akur dengan peraturan dan arahan daripada ketua kelas. Namun, terasa tidak patut aku dilayan sebegini. Aku juga sama seperti Qistina. Walau apa pun, aku perlu melindungi rasa sedih dan kecewa kerana diperkecilkan oleh Qistina. Pilu...sakit seperti jari yang pernah terluka, kemudian terkena pula buih sabun ketika mencuci pinggan. Aduhhh...pedihnya! .

(Mass Ruhaiza Ali, 2017: 2)

Emosi sedih yang telah dibincangkan berdasarkan kepada petikan yang dipilih. Oleh itu, emosi sedih telah dikategorikan kepada komponen teori kecerdasan emosi Goleman (1999) yang kedua iaitu kemampuan mengelola emosi. Emosi sedih ini jika dilihat berpandukan kepada teori kecerdasan emosi Goleman ia masih lagi dapat mengurus atau mengendalikan emosi sedih itu sekiranya tidak mengalami kesedihan

yang terlalu berlebihan. Setiap orang berhak untuk merasa kesedihan dan itu merupakan suatu perasaan yang memang tidak boleh dihalang. Namun sekiranya emosi sedih terlalu berlebihan berkemungkinan akan memberi kesan yang tidak bagus dalam diri kita. Justeru itu, berpandukan kepada petikan tersebut di mana situasi itu telah dialami oleh watak Hanum yang merasa sangat sedih dan kecewa kerana terdapat segelintir pelajar tidak menyukainya dan melayaninya dengan kurang baik sehingga dirinya diperkecilkan oleh ketua kelasnya sendiri iaitu Qistina yang memandang serong terhadap Hanum . Di samping itu, ulasan berkenaan dengan emosi sedih juga turut dapat dilihat melalui petikan yang kedua di bawah ini :

Aku bukan kanak-kanak kecil lagi. Aku tidak takut berada di sekolah. Akan tetapi, tiada siapa yang dapat merasakan kesedihanku kala ini. Mereka hanya sukamentertawakanku.Mereka kejam. Mereka tidak bersimpati denganku.

(Mass Ruhaiza Ali, 2017 : 24)

Berdasarkan kepada petikan di atas yang menerangkan kepada watak Hanum yang telah mengalami perasaan sedih sehingga merasakan dirinya kanak-kanak yang masih kecil dan diberikan layanan yang teruk terhadap dirinya sehingga tiada yang menyedari akan kesedihan yang dilalui olehnya. Namun mereka seakan lebih suka mentertawakan sikap Hanum apabila Hanum tidak pandai melakukan sesuatu. Tambahan pula, dirinya yang selalu dipandang rendah oleh gurunya sendiri iaitu Ustazah Aisyah yang menganggapnya tidak pandai dalam kelas agama. Hal ini kerana, perasaan sedih adalah normal dalam diri manusia. Namun begitu, kemurungan mungkin berlaku jika emosi sedih itu secara berterusan dan menghalang aktiviti harian. Kemurungan pada kanak-kanak boleh menyebabkan masalah lain seperti gangguan tumbesaran, pembelajaran, sosial, dan tingkah laku. Oleh itu, adalah penting untuk

mengenal emosi kanak-kanak yang sedih dan dapat menguruskannya dengan cara yang sihat dan positif.

4.1.6 Malu

Menurut Suhana (1981) maksud malu telah bahagikan kepada dua maksud iaitu membawa kepada kebaikan dan keburukan. Malu yang membawa maksud kebaikan seperti sikap sopan santun, tingkah laku yang baik dan sebagainya. Manakala malu yang membawa maksud keburukan pula seperti malu bertanya, malu memberi pandangan mahupun teguran. Malu boleh ditakrifkan sebagai rasa tidak senang, tidak selesa, tidak tenteram, tidak puas hati, tidak berani, atau tidak bersemangat kerana sesuatu yang tidak baik atau tidak menyenangkan yang dilakukan oleh orang lain atau diri sendiri. Malu juga boleh dimaksudkan juga kepada segan, hormat, atau takut terhadap sesuatu atau seseorang yang dianggap lebih baik daripada diri sendiri. Justeru itu, dengan menerusi novel *Budak California* dapat digambarkan melalui watak Hanum yang menghadapi situasi yang memalukan dirinya. Penyataan dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Aku tergamam. Terhenti pergerakan tanganku yang sedang menarik kerusi kayu di meja tersebut. Kepala ku tunduk memandang lantai simen kelabu.Tidak sanggup aku hendak bertentang mata dengan Qistina, ketua kelasku. Terasa tebal kulit muka ketika itu. Aku menahan malu. Aku terus tercegat di sebelah meja Qistina .

(Mass Ruhaiza Ali,2017 : 1)

Berdasarkan kepada petikan di atas telah menerangkan situasi yang dihadapi oleh Hanum ketika mana ia tersalah duduk di tempat Qistina lalu dirinya dimarahi oleh Qistina. Situasi tersebut memang agak memalukan diri sendiri apabila ketika mana kita malu hendak bertanya kepada orang lain supaya tempat yang kita duduk itu bukanlah

milik orang lain. Oleh itu, sifat malu di sini boleh digambarkan bahawa malu di atas kesilapan diri kita sendiri. Namun begitu, berdasarkan petikan yang seterusnya merupakan situasi yang agak memalukan watak utama iaitu Hanum dan penyataan ini dapat dibuktikan dengan melalui petikan di bawah ini :

Hanum! Habis rosak buku tulis awak tu! Semua mata memandang ke arahku. Allah! Malunya,’ detik hatiku. Buku itu ku letakkan perlahan-lahan di atas meja semula. Aku dapat rasakan darah panas menyirap ke pipi. Aku malu dengan apa yang berlaku. Aku malu ditertawakan. Tidak sanggup lagi untuk aku mengangkat kepala dan bertentang mata dengan Qistina.

(Mass Ruhaiza Ali,2017 :9)

Merujuk kepada petikan di atas untuk menerangkan bahawa emosi malu ini telah dikategorikan dalam kompenan teori kecerdasan emosi (Goleman,1995) yang pertama iaitu mengenal emosi diri sendiri. Melalui watak Hanum ia dapat mengenali emosi dirinya iaitu malu. Namun begitu, menurut (Shame Guilt,2002) telah mengatakan bahawa emosi malu termasuk dalam kategori emosi negatif yang melibatkan perasaan tertutup atau tidak yakin diri. Hal ini demikian kerana, adalah penting untuk kita mengambil berat dan memahami tentang emosi malu yang dialami oleh kanak-kanak kerana ia boleh memberi kesan kepada perkembangan sosial, emosi dan kognitif mereka. Rasa malu adalah perasaan yang timbul apabila melakukan kesalahan yang boleh menjaskan reputasi seseorang. Kanak-kanak yang berasa malu mungkin mengelakkan diri daripada bersosial dan berinteraksi dengan orang lain, menghadapi kesukaran untuk memulakan perbualan, dan menjadi kurang yakin dengan diri mereka sendiri. Mereka boleh kehilangan peluang untuk belajar, berkongsi dan berseronok dengan rakan sebaya.

4.1.7 Bahagia

Makna bahagia daripada pandangan tokoh iaitu menurut Imam al-Ghazali, makna bahagia ialah ketika mana manusia berada dalam satu puncak ketakwaan. Ia merupakan kenikmatan daripada Allah SWT. (Kitab Ihya' Ulum al-Din :3/8). Di samping itu , dengan menerusi novel *Budak California* dapat dilihat melalui watak Hanum yang memiliki salah satu jenis emosi yang dialami oleh kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah ialah emosi bahagia. Wajah yang ceria, senyuman, dan ketawa adalah cara biasa untuk menunjukkan emosi bahagia. Kanak-kanak yang bahagia juga lebih suka berada di sekitar orang atau objek yang mereka sayangi, seperti ibu bapa, adik beradik, rakan sebaya, atau mainan kesayangan mereka. Namun begitu, bagi membuktikan pernyataan ini dapat dibuktikan berpandukan petikan di bawah:

Adik murid baharu, ya? Semalam, cikgu ada umumkan yang adik datang dari sekolah di California. Betul tak? Suara lembut itu datangnya daripada seorang murid perempuan berbangsa India. “ Nama saya Pavitra.” Tanpa segan, dia menghulurkan tangan untuk berjabat tangan denganku. Fasih sekali dia memulakan bicara. Banyak yang disoalnya. Terasa bahagia sekali apabila dapat berbual-bual mesra sebegitu. Biarpun bahasanya bercampur aduk, dapat aku rasai keikhlasannya untuk berkawan denganku. Syukur.

(Mass Ruhaiza Ali ,2017 : 28)

Berdasarkan kepada petikan di atas telah menerangkan bahawa emosi bahagia dalam diri kanak-kanak ini dapat dilihat apabila diri mereka berada dalam keadaan selesa dengan seseorang tidak kira sama ada seseorang itu dari ahli keluarganya ataupun orang-orang sekitarnya. Emosi bahagia dapat dikategorikan dalam komponen teori kecerdasan emosi Goleman (1999) yang kelima iaitu hubungan sosial. Melalui dengan hubungan sosial ini kita dapat membina hubungan yang sihat dan harmoni. Begitu juga dengan kanak-kanak apabila dirinya sudah mengenal emosinya ia dapat

memberikan respon yang baik terhadap orang tuanya seperti emosi bahagia. Tambahan pula, emosi bahagia boleh memberi kesan kepada perkembangan kognitif, sosial dan fizikal kanak-kanak. Kanak-kanak yang bahagia lebih mudah untuk bermain, belajar, dan berkawan. Selain itu, emosi bahagia boleh menurunkan stress, meningkatkan sistem imun kanak-kanak, dan meningkatkan keseluruhan kesihatan mereka. Oleh itu, adalah penting bagi ibu bapa untuk memberikan sokongan dan merangsang perasaan bahagia kepada anak-anak mereka



Kesimpulannya, emosi kanak-kanak ialah perasaan atau tindak balas yang ditunjukkan oleh kanak-kanak apabila mereka berada dalam pelbagai keadaan atau situasi. Oleh sebab itu, emosi kanak-kanak mempunyai fungsi penting dalam perkembangan mereka, termasuk membantu mereka mengenali diri sendiri, mengurus perasaan, memotivasi diri, mengenali perasaan orang lain dan menjalin hubungan sosial. Dalam konteks ini, terdapat beberapa jenis emosi kanak-kanak yang terdapat dalam novel *Budak California* antaranya adalah seperti marah, gembira, takut, bersalah, sedih, malu, dan bahagia. Kanak-kanak perlu belajar bagaimana untuk mengawal emosi mereka dan mengekspresikan emosi mereka dengan cara yang sesuai dan positif. Oleh hal yang demikian, untuk memberi sokongan dan bimbingan yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak, ibu bapa dan guru mesti memahami perkembangan emosi kanak-kanak mengikut peringkat umur mereka. Secara keseluruhannya, bagi menganalisis kepada emosi watak kanak-kanak dalam novel *Budak California* ini lebih-lebih lagi dapat mengaplikasikan teori kecerdasan emosi Goleman (1995) malah ianya sangat sesuai untuk digunakan bagi menyelesaikan hasil kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-kanak

Kemampuan kanak-kanak untuk mengenali, memahami, mengawal, dan menggunakan emosi dan menjaga hubungan dengan orang lain ditakrifkan sebagai tahap kecerdasan emosi. Kecekapan emosi ini adalah komponen yang penting dalam perkembangan kanak-kanak dan boleh memainkan peranan yang besar dalam kehidupan kanak-kanak. Justeru, terdapat beberapa tahap kecerdasan emosi kanak-kanak yang boleh dikenal pasti iaitu dari segi mengenali emosi diri sendiri, mengendalikan emosi atau dikenal sebagai mengawal emosi, menggunakan emosi secara positif, berempati dan menjalin hubungan sosial. Namun begitu, tahap kecerdasan emosi ini juga dikenal pasti bergantung kepada peringkat umur kanak-kanak.

Di samping itu, peringkat kecerdasan emosi kanak-kanak bermula dari umur (0-3 tahun). Pada peringkat umur tersebut, kanak-kanak mungkin belum memahami sepenuhnya emosi tetapi mereka mungkin dapat memberi tindak balas terhadap emosi mereka. Seterusnya dari peringkat prasekolah hingga awal sekolah (4-7 tahun). Pada peringkat ini, kanak-kanak baru bermula untuk memahami peranan emosi dalam hubungan sosial. Mereka mungkin mempelajari cara berkongsi, bekerjasama, dan membina hubungan. Manakala apabila umur kanak-kanak (7-12 tahun) mungkin sudah mempunyai keupayaan untuk memahami emosi yang lebih halus kerana kecerdasan emosi mereka berkembang dengan lebih kompleks. Mereka mungkin mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang idea seperti empati, komedi, dan ironi.

Selain itu, kanak-kanak prasekolah yang berumur (3-6 tahun) kemahiran menyelesaikan konflik mungkin baru bermula untuk berkembang dan kanak-kanak pada waktu ketika ini baru boleh belajar untuk berkongsi mainan, menunggu giliran, dan bermain dalam permainan kumpulan. Namun begitu, bagi kanak-kanak peringkat umur (7-9 tahun) pada peringkat ini, perkembangan fizikal dan kognitif kanak-kanak mungkin mengalami perubahan sosial dan emosional yang lebih kompleks. Mereka lebih mampu menyesuaikan diri dengan perubahan ini apabila mereka menggunakan kepekaan emosi. Kanak-kanak di peringkat (10–12 tahun), dalam tempoh ini mungkin kanak-kanak sudah mula menghadapi tekanan yang lebih tinggi dari segi akademik dan sosial. Kecekapan emosi membantu mereka membuat keputusan yang lebih baik, menangani stress, dan boleh menetapkan matlamat hidup mereka.

4.2.1 Mengenali Emosi

Menurut Goleman (1995) telah mengatakan dalam mengenali emosi ini berkemungkinan kita boleh menjadi marah, benci atau bosan pada masa tertentu. Keupayaan untuk memahami emosi adalah komponen penting dalam pembangunan kecerdasan emosi, dan ia penting untuk interaksi sosial, menangani konflik, dan membina hubungan yang sihat. Apabila seseorang itu menyedari jenis emosi yang mereka alami, mereka akan berupaya membuat keputusan yang bijak. Kecekapan kendiri memerlukan keyakinan yang kukuh dalam diri sendiri. Dalam keadaan ini, suara hati adalah penting kerana ia akan mendorong seseorang untuk membuat keputusan terbaik. Menurut (Goleman,1995) kesedaran diri adalah penting untuk pembangunan kecerdasan emosi kerana dengan menjadi lebih sedar tentang diri sendiri, seseorang itu dapat melepaskan suasana hati yang tidak menyenangkan . Oleh itu, dengan

menggunakan novel *Budak California* ini dapat melihat bagaimana watak Hanum sebagai watak utama dalam mengenali emosinya dan mengungkapkan emosinya ketika berpindah ke sekolah barunya seperti sedih, menyalahkan diri dan rindu.

i) Sedih

Sedih adalah satu perasaan atau keadaan emosi yang biasanya dikaitkan dengan kehilangan sesuatu, kekecewaan, atau ketidakpuasan. Ia boleh berlaku sebagai tindak balas kepada keadaan atau kejadian yang menyakitkan, dan ia juga boleh dikaitkan dengan kehilangan seseorang, kegagalan, atau ketidakseimbangan dalam kehidupan seseorang. Menurut (Daniel Goleman,1995) menekankan dalam kerangka kecerdasan emosi betapa pentingnya mengenali dan mengendalikan emosi, termasuk sedih. Goleman berpendapat bahawa kecerdasan emosi ialah keupayaan untuk memahami emosi seseorang dan menggunakan secara bijak dalam hubungan dan untuk mengendalikan perselisihan faham. Penyataan ini telah menerangkan terhadap situasi yang terdapat di dalam petikan di bawah ;

Harapan menggunung mula meranap. Terasa impianku untuk ceria di sekolah baharu punah. Sangkaanku meleset sama sekali. Sangkaku, bersekolah di tanah air tercinta lebih bahagia dan lebih mudah bergaul. Namun, perkara sebaliknya yang sedang kuhadapi.

(Mass Ruhaiza Ali, 2017 : 10)

Berdasarkan kepada petikan di atas telah menjelaskan bahawa Hanum tidak merasa senang ataupun seronok apabila mula berpindah di sekolah baharunya. Namun, dia seolah-olah merasa dipinggirkan oleh keadaan sekelilingnya dan ia merasakan sangat jauh beza dengan suasana di tempat sekolah lamanya di California. Tambahan pula,

Hanum mulai sedar bahawa dia perlu menyesuaikan diri dan menghadapi pelbagai cabaran untuk berjaya di sekolah baharunya. Salah satu daripada pelbagai jenis emosi yang dialami oleh kanak-kanak ialah emosi sedih. Memahami dan menghargai emosi ini adalah penting kerana ia adalah sebahagian daripada perkembangan emosi normal dan penting untuk pembentukan kecerdasan emosi kanak-kanak. Oleh itu, perkembangan emosi kanak-kanak secara positif dapat dipengaruhi oleh sokongan dan perspektif yang positif terhadap emosi sedih yang dialami oleh kanak-kanak. Hal ini kerana, peranan daripada ibu bapa perlu dititikberatkan dalam hal ini supaya kanak-kanak boleh meluahkan rasa sedihnya terhadap orang yang disayangi.

Sebutir mutiara menitis ke riba. Cepat-cepat ku kesat mata
yang sebelah lagi supaya tidak diketahui oleh rakan yang lain.
Payah sekali menyeka tangis ku. Sakit dadaku menahan.

(Mass Ruhaiza Ali, 2017 : 10)

Petikan tersebut telah menjelaskan bahawa watak Hanum tidak mampu menahan rasa sedihnya sehingga air mata sahaja yang mampu mengalir deras. Perkara ini telah ditegaskan dalam teori kecerdasan emosi Goleman yang mana apabila seseorang itu telah pun mengenali emosinya ia akan mudah tersentuh dengan apa yang terjadi terhadap dirinya. Penyataan ini juga dapat disokong melalui pendapat tokoh iaitu menurut (Paul Ekman, 1960) merupakan seorang ahli psikologi emosi telah mengatakan bahawa emosi sedih adalah kesan kepada cara kita memahami emosi, termasuk sedih. Beliau melihat ekspresi wajah yang berkaitan dengan keadaan sedih, seperti mata yang berkaca-kaca, bibir yang turun, dan kening yang berkerut. Oleh hal demikian itu, emosi kanak-kanak ini tidak sama dengan emosi orang dewasa kerana kanak-kanak ini jiwanya sangat mudah tersentuh dan kanak-kanak seharusnya membela dirinya dengan belaian yang manja dan lembut supaya emosinya terjaga dengan baik.

ii) Menyalahkan Diri

Menyalahkan diri sendiri bermaksud kecenderungan seseorang untuk mengambil tanggungjawab atau kesalahan atas sesuatu yang tidak berjalan dengan baik atau yang sedang berlaku. Seseorang yang mempunyai kecenderungan untuk menyalahkan diri sendiri mungkin menganggap diri mereka sebagai punca utama masalah atau kegagalan tersebut. Walau bagaimanapun, faktor luaran atau keadaan mungkin juga memainkan peranan. Menurut (Albert Ellis,1960) telah menegaskan bahawa, dalam konteks menyalahkan diri sendiri, manusia cenderung untuk berfikir secara tidak rasional dan menghukum diri sendiri tanpa bukti yang mencukupi. Ellis juga turut berkata merubah pemikiran negatif ini adalah penting untuk mencapai kesejahteraan emosi. Merujuk kepada novel *Budak California* telah menunjukkan emosi watak Hanum yang telah menyalahkan dirinya dan pernyataan telah dibuktikan berdasarkan petikan ini ;

Mataku mula berkaca. Sedari pagi, ada sahaja salahku yang menjadi bahan ketawa rakan-rakan baharuku .

(Mass Ruhaiza Ali 2017 : 9)

Petikan tersebut telah menjelaskan bahawa sikap watak Hanum yang telah menyalahkan dirinya walaupun ia telah sedar bahawa ia adalah pelajar baharu dan setiap orang mesti tidak pernah lari dari membuat kesilapan. Namun, situasi yang dialami oleh watak Hanum telah menggambarkan bahawa ia perlu di tegur dengan sebaiknya malah ia telah dilakukan dengan sebaliknya. Walau

bagaimanapun, kanak-kanak yang sudah mula mengerti emosi sebegini namun kanak-kanak tidak seharusnya dilayan sebegini rupa kerana ia boleh menjelaskan kesihatan mental kanak-kanak jika ia dilayani secara berlarutan.

iii) Rindu

Rindu adalah merupakan perasaan emosi yang menjelaskan kepada sesuatu tentang kerinduan yang mendalam terhadap sesuatu atau seseorang . Ia sering dianggap sebagai perasaan kehilangan atau ketiadaan yang membawa keinginan untuk bersama atau memiliki sesuatu yang diingini. Di samping itu, hubungan, seni, dan pemikiran dipengaruhi oleh rindu yang boleh menjadi aspek yang kompleks yang mendalam dalam kehidupan manusia. Menurut pandangan (Kahlil Gibran,1931) telah menyatakan bahawa rindu adalah simbol kecantikan pahit manis kehidupan dan cara untuk meninggalkan kesan yang mendalam dalam hati kita untuk sesuatu atau seseorang yang kita sayangi. Oleh itu , berpandukan kepada petikan yang telah dipetik dalam novel *Budak California* telah melambangkan perasaan rindunya terhadap sekolah lamanya. Namun penyataan telah dibuktikan melalui petikan tersebut ;

Aku rindu akan sekolah lamaku. Rindu akan rakan-rakanku. Rindu akan guru-guru ku yang sentiasa ceria dan mesra. Rindu akan cuaca yang nyaman. Rindu akan bunga-bungaan yang tumbuh di setiap halaman. Bunga-bungaan yang sangat segar seakan-akan menyapaku dengan ceria pada setiap pagi. Aku rindu akan rumah tempat tinggalku selama tiga tahun di sana. Namun, tidak mungkin aku dapat ke sana lagi. Semuanya hanya tinggal kenangan.

(Mass Ruhaiza Ali, 2017 : 16-17)

Melalui petikan tersebut, jelaslah bahawa emosi rindu ini boleh hadir dengan pelbagai cara sama ada terhadap individu, tempat dan suasana

sekeliling. Namun, bagi kanak-kanak yang masih lagi di bawah peringkat umur 12 tahun namun ia sudah dapat mengenal emosi rindunya terhadap sesuatu perkara. Bagi sesetengah kanak-kanak pada peringkat ini ada yang masih belum faham apa itu emosi ataupun perasaan rindu . Adakala yang hanya mampu mengucapkan perkataan rindu sahaja namun tidak mengerti apa yang dimaksudkan dengan perkataan rindu itu. Hal ini kerana , kehidupan emosional seseorang boleh terjejas oleh emosi rindu yang mendalam. Ia boleh muncul dalam pelbagai situasi, seperti hubungan peribadi, lokasi, atau peristiwa masa lalu yang memberi kesan kepada seseorang. Namun , dalam seni, puisi, dan muzik sering menggunakan perasaan ini sebagai subjek untuk menunjukkan emosi rindu yang tidak mampu digambarkan dengan kata-kata.

4.2.2 Mengendalikan Emosi

Goleman (1995) menyatakan apabila seseorang terlalu emosi secara berlebihan akan menjadi bosan dan akan mengalami gangguan jika ia tidak dikendalikan dengan sebaik-baiknya. Apabila emosional yang berlebihan dan boleh menyebabkan penyakit kepada individu itu. Seseorang individu tidak dapat membezakan emosi yang akan menguasai kerana pelbagai emosi akan melanda dalam setiap hari bagi setiap individu. Semua orang akan menghadapi masa yang sukar dalam hidup dan emosi pasti akan bergelora dan muncul lah emosi yang negatif akan menguasai. Jika seseorang itu mengalami tekanan atau tahap kemarahan yang tinggi namun ia masih boleh merasakan kebahagiaan jika seseorang itu dapat mengawal emosi negatif nya dengan baik (Goleman,1995). Walaupun emosi datang tanpa diundang, seseorang harus menerima dengan tindakan yang bijak untuk mengendalikan emosi negatif supaya

tidak menimbulkan bahaya kepada diri sendiri. Selain itu, terdapat beberapa kemahiran yang boleh digunakan dalam mengendalikan emosi negatif, seperti memikirkan kembali rangsangan emosi yang mengganggu fikiran dan mencuba untuk mengalihkan perhatian daripada masalah, dan perkara ini boleh membantu mengurangkan perasaan negatif (Sohaimi Abdul Aziz, 1998). Begitu juga dalam novel *Budak California* untuk memperlihatkan terhadap watak Hanum dalam mengendalikan emosinya apabila dirinya diperlakukan dengan tidak baik. Emosi negatif yang dapat dilihat dalam watak utama adalah seperti marah dan sakit hati.

i) Marah

Marah adalah satu emosi yang kompleks dan kuat yang melibatkan perasaan tidak puas hati atau kemarahan terhadap sesuatu yang dianggap tidak adil, mengancam atau mengecewakan. Reaksi fizikal dan emosi ini seringkali termasuk perubahan emosi, yang boleh berkisar dari perasaan ringan hingga kemarahan yang kuat. Marah adalah reaksi semula jadi kepada tekanan atau ancaman, dan ia boleh mendorong tindakan atau respon terhadap situasi tertentu.. Menurut pandangan daripada Aristoteles (384–322 SM) telah menganggap marah sebagai tindak balas semula jadi terhadap kezaliman dan ketidakadilan. Aristoteles juga menyatakan bahawa marah boleh menjadi sumber keberanian dan keadilan, tetapi jika tidak dikawal dengan bijak, ia juga boleh menjadi merosakkan emosi kita. Emosi marah ini dapat dilihat melalui petikan di bawah ini ;

Buku tulis mata pelajaran Pendidikan Islam kepunyaanku yang hilang juga sebenarnya telah disembunyikan oleh Qistina. Dia tidak menghantar buku tersebut ke bilik guru bersama-sama buku murid-murid yang lain. Aku telah dimarahi oleh Ustazah Aisyah disebabkan oleh perbuatannya itu.

(Mass Ruhaiza Ali2017 : 101)

Merujuk kepada petikan di atas telah menggambarkan situasi ataupun emosi kanak-kanak ini dalam keadaan marah . Namun apabila kanak-kanak mula menunjukkan emosi marahnya terhadap sesuatu yang terjadi ibu bapa perlu menjadi dorongan yang sebaiknya dan memberikan pendapat dalam keadaan yang lembut dan tidak menambahkan lagi emosi marahnya. Justeru , untuk meredakan emosi marah ini tidaklah mudah tambahan pula kanak-kanak ia memerlukan kepada tahap kesabaran yang tinggi dalam diri terutamanya ibu bapanya.

ii) Sakit Hati

Emosi sakit hati ialah perasaan atau keadaan mental yang disebabkan oleh peristiwa atau tindakan yang menyakitkan hati seseorang. Ini boleh berlaku akibat pengkhianatan, ketidakpuasan hati, atau perlakuan tidak adil, dan ia sering disertai dengan rasa sedih, amarah, atau kekecewaan yang mendalam. Menurut William Shakespeare (1616) telah menjelaskan bahawa emosi sakit hati ini melibatkan kepada konflik emosional yang mendalam dan memiliki kesan yang buruk terhadap seseorang. Namun, melalui watak Hanum telah memperlihatkan emosinya yang tidak puas hati terhadap kelakuan ketua

kelasnya iaitu Qistina terhadap dirinya dan rakan-rakan yang lain. Justeru pernyataan ini dapat dibuktikan dengan petikan di bawah ini ;

Amat kejam perancangannya. Hatiku amat terguris dengan niat sebenar Qistina, sehingga aku bertekad untuk tidak turut serta dalam kumpulan nasyid Merak Kayangan. Aku menarik diri daripada menyertai kumpulan tersebut. Bagai ditusuk sembilu hatiku ini mengenangkan perbuatan Qistina itu.

(Mass Ruhaiza Ali,2017:101)

Petikan tersebut telah menjelaskan emosi yang negatif terhadap rakannya. Namun, di sini dapat dilihat bahawa watak Hanum ini telah menunjukkan emosinya terhadap sesuatu perkara yang sangat menyakitkan hatinya sehingga tidak mampu untuk meneruskan pertandingan yang telah disertainya. Oleh hal demikian itu, apabila kanak-kanak pada peringkat umur sebegini sudah pandai menunjukkan perasaan yang tidak menyenangkan hatinya ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam hal ini supaya kanak-kanak itu tidak menyimpan dendam terhadap rakannya meskipun rakannya telah melakukan hal yang tidak disukainya.

4.2.3 Menggunakan Emosi Secara Positif

Seseorang yang sangat bermotivasi diri berupaya untuk mendahului orang lain dalam mencapai apa-apa matlamat yang digambarkan. Orang yang mempunyai motivasi kendiri mampu melawan dorongan negatif hatinya. Individu-individu ini menggunakan objektifnya dalam sesuatu sebagai garis panduan untuk melaksanakan tugas atau mencapai objektif. Seseorang boleh menggunakan emosi untuk meningkatkan prestasi minda. kognitif dengan cara membina keyakinan diri kerana apabila seseorang itu memberikan keyakinan kepada sesuatu yang mungkin membantunya menghilangkan kebimbangan dan marah dalam dirinya. Harapan,

menurut Goleman (1995), yang menghasilkan sesuatu Perkara itu berbeza kerana matlamatnya adalah untuk memberikan hiburan kepada orang ramai. sedih. Setiap pekerjaan yang diiringi dengan harapan akan mendapat manfaat daripada teruja dan bersemangat untuk mencapainya. Sohaimi Abdul Aziz (1997:19) Orang yang mempunyai harapan tinggi biasanya membawa sifat motivasi yang kuat untuk mencapai matlamat tertentu. Sudah tentu mereka tidak akan menoleh ke belakang lagi dan akan mempunyai tinggi keyakinan dalam menangani isu. Justeru itu , dalam novel *Budak California* ini untuk memperlihatkan bagaimana Hanum memotivasi dirinya (menggunakan emosi secara positif) untuk adaptasi dengan budaya dan bahasa dan sistem pendidikan yang berbeza di Malaysia .Hal ini kerana, emosi yang positif dapat dilihat dari segi menolong dan berusaha.

i) Menolong

Memberikan bantuan atau sokongan kepada orang yang memerlukan dikenali sebagai menolong. Ini boleh termasuk sebagai bantuan dalam pelbagai bentuk, seperti nasihat, bantuan fizikal atau motivasi moral. Tindakan menolong sering datang daripada rasa simpati, peduli, dan keinginan untuk memperbaiki kehidupan orang lain.Seperti yang dinyatakan oleh Albert Schweitzer (1965) yang menunjukkan bahawa melakukan perkara yang baik untuk semua makhluk hidup adalah satu tindakan moral yang bagus. Selain itu, memiliki nilai moral yang tinggi adalah dengan menolong sesama sendiri dan memiliki kebahagiaan sejati serta boleh dicapai dengan melakukan perkara yang baik dengan membantu orang lain. Membantu orang lain tidak hanya membantu mereka secara langsung, tetapi ia juga boleh membentuk karakter dan memberi

kepuasan terhadap kerohanian kepada mereka yang melakukannya. Pernyataan ini boleh dilihat dalam watak utama iaitu Hanum yang menolong rakan-rakannya dalam pembelajaran dan dapat dibuktikan berdasarkan petikan di bawah ;

Jari Zalifah menuding kepada soalan nombor tiga. Ku kira dia memerlukan bantuan. Mungkin dia kurang faham. Aku tersenyum senang. Bukan kerana aku bangga dapat membantu Zalifah. Aku rasa bahagia kerana mendapat seorang rakan baharu . Apalah sangat membantu Zalifah untuk memahami ayat soalan tersebut.

(Mass Ruhaiza Ali,2017: 50)

Merujuk kepada petikan tersebut telah menunjukkan sikap tolong menolong di antara satu sama lain seperti mana yang telah diterapkan dalam diri Hanum yang secara rendah diri untuk membantu rakannya dengan sukarela tanpa paksaan . Hal ini telah melambangkan kepada kanak-kanak tersebut telah memotivasi dirinya dengan perkara-perkara yang positif tanpa perlu meminta pujian daripada orang lain. Selain itu, dalam teori kecerdasan emosi Goleman telah menekan terhadap menggunakan emosi secara positif iaitu komponen yang ketiga. Tambahan pula, rasa peduli nya terhadap rakan-rakannya menunjukkan bahawa dirinya prihatin dan menyedari perasaan dan keperluan orang lain. Oleh hal demikian itu, ini mewujudkan persekitaran sosial yang menggalakkan kemajuan dan kesejahteraan bersama.

ii) Berusaha

Berusaha ialah usaha atau usaha yang dilakukan oleh seseorang untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Thomas Edison (1847-1931) menekankan bahawa penghasilan tidak hanya datang daripada idea yang bijak, tetapi lebih daripada kerja keras dan usaha yang sungguh-sungguh untuk mencapai tujuan. Berusaha memerlukan kerja keras, tekad, dan ketekunan untuk mengatasi halangan atau rintangan yang mungkin muncul dalam proses mencapai tujuan . Sikap berusaha ini dapat dilihat dalam watak Hanum yang sentiasa berusaha untuk belajar untuk memahami dalam pembelajaran yang berkaitan dengan keislaman seperti kelas KAFA dan hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah;

Aku sanggup ke kelas mengaji biarpun pada sebelah malam perlu menghadiri kelas tambahan. Lagipun sudah tiga tahun aku tidak mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam secara formal. Aku cuma mengharapkan bimbingan dan tunjuk ajar umi di rumah ketika berada di sana. Setiap kali aku tidak memahami penerangan Mualimah Masiah , aku akan segera bertanya.

(Mass Ruhaiza Ali, 2017 : 71)

Berusaha dalam mendapatkan ilmu pengetahuan adalah satu tindakan yang baik dan berusaha bersungguh-sungguh dalam mendapatkan ilmu tersebut merupakan salah satu jihad yang mana di dalam Al - Quran juga menyebut perkara ini seperti dalam surah Al-Ma''idah yang berbunyi ; "Dan (ingatlah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: 'Hai kaumku, ingatlah nikmat Allah kepadamu ketika Dia mengangkat nabi-nabi di antaramu dan menjadikan kamu raja-raja dan memberikan apa yang belum pernah diberikan kepada seorang pun

dari makhluk-Nya. Hai kaumku, masuklah ke tanah suci yang telah ditetapkan Allah bagimu dan janganlah kamu berbalik ke belakang, karena niscaya kamu menjadi orang-orang merugi.'" (QS. Al-Ma'idah [5]: 20-21). Ayat ini memberikan isyarat bahawa ilmu pengetahuan dan petunjuk Allah adalah anugerah yang patut dihargai dan diperjuangkan . Keputusan untuk terus maju dan menggali ilmu pengetahuan yang lebih dalam, telah ditunjukkan di dalam pesan ini untuk tidak berbalik ke belakang. Justeru itu, ini telah menunjukkan bahawa kita perlu berusaha keras untuk memanfaatkan kelebihan ilmu yang diberikan oleh Allah SWT. Oleh hal demikian itu, wajarlah dalam petikan di atas telah menggambarkan terhadap sikap watak Hanum ini yang sentiasa untuk mempelajari tentang apa yang kurang difahami oleh dirinya.

4.2.4 Berempati

Empati ialah kebolehan untuk memahami emosi atau perasaan orang lain. Ia adalah satu kelebihan dalam interaksi sosial kerana ia membolehkan seseorang mengenali emosi orang lain supaya lebih mudah untuk memahami dan memasuki emosi orang lain (Sohaimi Abdul Aziz, 1998: 20). Seseorang mesti memahami emosinya terlebih dahulu supaya lebih mudah untuk memahami emosi orang lain. Orang tidak selalu menggunakan kata-kata untuk menyatakan emosi mereka, tetapi diucapkan melalui tindakan bukan verbal melalui isyarat tertentu, seperti mimik muka, nada suara, ekspresi wajah dan lain-lain. Jika seseorang boleh membaca isyarat bukan verbal ini, mereka mungkin mempunyai empati yang agak tinggi. Empati tidak hanya mempunyai

pemahaman yang mendalam tentang perasaan orang tetapi juga mempunyai perasaan yang sama oleh individu itu dan dapat membantu dengan cara yang positif dan logik. Tanpa emosi empati seseorang akan mewujudkan jarak emosi, dan ini akan membawa kepada seseorang itu tidak mempunyai keupayaan untuk membina hubungan sosial dengan orang lain.

i) Kasihan

Maksud kasihan ialah perasaan simpati atau kesedihan yang dialami oleh orang lain. Ini melibatkan rasa empati yang mendalam atau keinginan untuk membantu orang lain. Hamka (1981) menyatakan sering menekankan prinsip kasih sayang dan empati. Beliau percaya bahawa kasihan adalah sifat yang sepatutnya dimiliki oleh semua orang kerana ia menunjukkan sikap pedulikan terhadap kehidupan orang lain. Namun begitu, telah dibuktikan melalui petikan di bawah ;

Bagaimana pula dengan Zalifah? Adakah dia akan dipinggirkan?
Semuanya salah aku. Disebabkan Zalifah berbaik-baik dan bersahabat denganku, dia tidak akan diajak menyertai kumpulan nasyid yang diketuai oleh Qistina.

(Mass Ruhaiza Ali, 2017: 63)

Petikan tersebut telah jelas menerangkan bahawa kanak-kanak ini dapat memberikan ataupun menunjukkan perasaan simpatinya terhadap rakannya. Dalam emosi simpati ini juga berkait dengan bagaimana kita mencuba untuk memahami emosi orang lain. Justeru itu, dalam watak Hanum ini telah menunjukkan bahawa dirinya sudah mengerti perasaan orang lain

walaupun hakikatnya dirinya suka menyalahkan dirinya sendiri. Namun , di sini dapat dilihat bahawa didikan ibu bapa adalah penting dalam hal ini kerana setiap acuan didikan yang baik maka akan terhasil acuan yang elok. Begitu juga dengan Hanum yang sentiasa mencuba untuk mencari cara supaya tiada berpecah belah di antara rakan-rakannya.

ii) Memaafkan

Melepaskan dendam atau kebencian terhadap orang yang telah menyakiti atau melakukan kesalahan dikenali sebagai memaafkan. Ini termasuk keupayaan untuk melepaskan beban emosi yang tidak menyenangkan dan mewujudkan cara untuk berbaik semula. Baharuddin Jusuf Habibie (1998) bekas presiden Indonesia pernah menyatakan betapa pentingnya memaafkan untuk pembangunan dan pendamaian dan juga turut menekankan betapa pentingnya memaafkan untuk mewujudkan persatuan dan kedamaian di kalangan masyarakat yang pernah berpecah belah. Dalam hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah;

Aku mengambil keputusan untuk memaafkan semua perbuatan Qistina . Aju melakukannya demi menjaga tali persahabatan aku dengan Zalifah, Amirah dan Nabila, juga murid-murid yang lain di dalam kelas Tahun 5 Elektif. Niat asalku untuk mendapatkan ramai kawan di sekolah baharu ini perlu ku teruskan. Aku tidak mahu berputus asa. Disebabkan hanya kerana aku diuji dengan seorang kawan sahaja, tidak perlulah aku patah semangat begitu sahaja.

(Mass Ruhaiza Ali,2017: 103)

Merujuk kepada petikan di atas telah menunjukkan bahawa kanak-kanak ini walaupun dirinya telah dilakukan dengan teruk sekalipun malah ia mengambil keputusan untuk memaafkan orang yang telah menyakitinya .Dalam teori kecerdasan emosi Goleman juga telah menegaskan dalam dalam komponen yang keempat iaitu berempati ataupun lebih dikenali sebagai memahami emosi orang lain. Ole itu, dalam hal ini amat penting bagi orang-orang dewasa termasuklah ibu bapa dan juga guru untuk membantu dan membimbing kanak-kanak dalam mengembangkan kemahiran ini. Kanak-kanak boleh memperoleh kemahiran sosial dan emosional yang positif jika mereka dibesarkan dalam persekitaran yang memberikan satu ekspresi emosional dan perbincangan secara terbuka .

4.2.5 Hubungan Sosial

Membina hubungan dengan orang lain adalah penting dalam memupuk hubungan akrab dengan anggota masyarakat. Menurut Goleman (1995), seseorang individu akan mempunyai kemahiran bersosial yang baik apabila dia mempunyai keupayaan untuk membina hubungan dengan orang lain, meyakinkan orang lain, membina hubungan dengan orang lain dan menjadikan orang lain berasa selesa apabila berada bersama mereka. Menjalin hubungan sosial ini juga membolehkan seseorang mencorak dan menghasilkan pertemuan yang positif seperti membantu orang lain bahagia. Setiap kali menghasilkan komunikasi dengan orang lain, seseorang menghantar isyarat melalui mimik muka, bahasa badan, nada dan isyarat suara yang mempengaruhi kepada individu yang ditemui. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998: 21), kecekapan emosi adalah termasuk menguasai hubungan sosial yang menarik untuk orang yang kita

suka dan boleh menenangkan orang lain. Goleman (1995) menyatakan bahawa manusia adalah sebahagian daripada perkakas perubahan. emosional dalam hubungan dengan orang lain sama ada menyumbang kepada kebaikan terhadap seseorang atau sebaliknya. Dalam novel *Budak California* ini untuk meneliti terhadap watak Hanum dalam membangun hubungan sosial untuk berinteraksi dan bersahabat dengan orang lain , seperti cara berkomunikasi , bekerjasama dan dapat menyelesaikan masalah dengan baik.

i) Hubungan dengan rakan

Maksud "hubungan dengan rakan" ialah berinteraksi antara seseorang dengan orang lain, terutamanya rakan-rakan . Banyak perkara berlaku dalam hubungan ini, seperti komunikasi, kepercayaan, kerjasama, dan sokongan emosional. Menurut pandangan daripada Dalai Lama (1935) telah menekankan betapa pentingnya saling memahami dan kasih sayang dalam hubungan manusia. Ramai orang tidak boleh hidup tanpa kasih sayang. Kasih sayang dan belas kasihan adalah keperluan, bukan kemewahan. Menjaga hubungan dengan rakan ini dapat dilihat melalui watak Hanum yang sentiasa perhubungan dengan rakannya iaitu Zalifah . Pernyataan ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah ;

Ku tatap wajah Zalifah dengan penuh rasa kasihan. Mungkin ini kali kedua aku berpeluang membala budi baiknya kepadaku sebelum ini.

(Mass Ruhaiza Ali,2017 : 107)

Berpandukan kepada petikan di atas telah merujuk kepada membala budi baik Hanum terhadap rakannya iaitu Zalifah yang pernah menolong

dirinya ketika di waktu dirinya diperlukan. Namun, sebagai tanda persahabatannya ia menganggap sebagai satu balasan yang boleh di balas di atas apa yang Zalifah telah membantu dirinya. Oleh hal demikian itu, dapat dilihat bahawa watak kanak-kanak ini telah menunjukkan emosi yang positif kerana dapat memahami di dalam sebuah persahabatan yang sentiasa berada di sisinya ketika dirinya dalam keadaan sedih dengan apa yang telah terjadi terhadap dirinya.

ii) Hubungan dengan bukan muslim

Hubungan dengan orang bukan Muslim ialah hubungan sosial dan interaksi antara orang Muslim dan orang yang mempunyai latar belakang agama atau kepercayaan yang berbeza. Penciptaan hubungan yang saling menghormati dan toleransi keyakinan adalah penting. Muhammad Ali Jinnah (1876) menyatakan bahawa kita mempunyai kebebasan, kita mempunyai kebebasan untuk pergi ke kuilmu dan kita juga mempunyai kebebasan untuk pergi ke mana-mana masjid atau tempat ibadah lain di Pakistan. Kita boleh menganut agama, kasta atau kepercayaan apa pun, tetapi ia tidak berkaitan dengan urusan negara. Berpandukan kepada pendapat tokoh tersebut telah jelas menerangkan bahawa dalam novel *Budak California* juga turut menekankan terhadap isu perkauman yang berbeza agama. Namun, petikan ini dapat diteliti berdasarkan petikan di bawah :

Semoga Kak Pavitra dapat membantuku suatu hari nanti.
Biarpun berlainan bangsa dan agama, tetapi sahabat tetap
sahabat, seperti aku dan Natalie.

(Mass Ruhaiza ,2017: 61)

Dalam kehidupan kita semestinya wujud dalam pelbagai agama dan bangsa seperti Indian, Cina, Melayu dan sebagainya. Namun, berpandukan kepada petikan tersebut telah menunjukkan sikap watak utama dalam novel menunjukkan sikap perpaduan dalam mengeratkan hubungan walaupun berlainan bangsa. Selain itu, sikap perpaduan adalah untuk membangunkan masyarakat yang harmoni dan berintegrasi yang memerlukan perspektif perpaduan dalam hubungan antara kaum dan bangsa. Perpaduan ialah usaha untuk membina hubungan yang baik antara orang yang berbeza dari segi budaya, etnik, dan agama. Oleh hal demikian ini kerana, perlakuan watak Hanum telah melambangkan bahawa ia masih menerapkan elemen sikap perpaduan yang telah didik semasa di sekolah lama dalam dirinya walaupun telah berpindah di sekolah baharu .Demikian ini kerana, telah selari dengan Teori Kecerdasan Emosi Goleman yang kelima iaitu hubungan sosial yang mana telah menerapkan kepada kita sebagai manusia agar membina hubungan sosial yang tidak kira kaum, bangsa ataupun agama.

iii) Hubungan dengan guru

Hubungan dengan guru yang dimaksudkan diantara pelajar yang mempunyai hubungan yang positif dengan pendidik. Hubungan ini termasuk elemen seperti pembelajaran, bimbingan, dan pengembangan peribadi. Hubungan dengan pendidik bukan hanya tentang menyampaikan maklumat, namun ia juga berkaitan dengan pembentukan watak, membantu perkembangan peribadi, dan memberikan dorongan positif kepada pelajar. Hubungan yang positif antara guru dengan pelajar boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran

yang harmoni serta dapat menyokong dan memotivasiakan pelajar-pelajar. John Dewey (1952) berpendapat bahawa guru harus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang memungkinkan siswa mengalami dan memahami bahan pelajaran . Bagi meneliti terhadap hubungan dengan guru melalui watak Hanum yang menjaga hubungan dengan guru-gurunya dengan begitu baik serta menghormati gurunya sebagai pendidik, meskipun dirinya kerap di marahi oleh gurunya sendiri. Penerangan tersebut dapat dilihat melalui petikan di bawah ini ;

Sebab saya tidak pandailah saya datang ke sekolah untuk belajar, Ustazah ! Ayat kecewa yang hanya kedengaran ke telingaku meluncur perlahan daripada bibir. Aku tunduk memandang kaki.

(Mass Ruhaiza Ali,2017: 73)

Merujuk kepada petikan tersebut telah menjelaskan bahawa sikap menghormati guru dalam diri watak Hanum walaupun dirinya asyik ditegur kerana tidak pandai dalam mata pelajaran Pendidikan Islam namun dirinya tetap juga menghadiri kelas seperti biasanya walaupun tidak mahir dalam subjek tersebut. Dalam situasi sebegini guru-guru tidak perlu merendahkan pelajar yang kurang mahir dalam pembelajaran kerana setiap murid mempunyai berlainan cara pemahamannya. Tambahan pula walaupun pelajar itu sudah berumur 11 tahun tetapi masih dikategorikan dalam golongan kanak-kanak yang perlu diberikan didikan yang sewajarnya. Oleh hal demikian itu, dapat dilihat melalui watak Hanum ini telah mempratikkan dalam dirinya yang telah digagaskan dalam Teori Kecerdasan Emosi Goleman yang kelima iaitu hubungan sosial kerana dirinya juga diajar oleh kedua ibubapa untuk sentiasa menghormati guru meskipun dirinya di marah oleh guru tersebut. Jadi, wajarlah

kita sebagai manusia untuk saling menghormati antara satu lain dan membina hubungan sosial dengan baik dan dapat membina emosi yang positif.

Secara kesimpulannya, perkembangan kecerdasan emosional kanak-kanak adalah proses yang berterusan dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Kecerdasan emosi kanak-kanak memerlukan pembangunan pemahaman dan pengelolaan emosi, dan penglibatan daripada orang-orang dewasa seperti ibu bapa , guru- guru dan sebagainya dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong untuk membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran ini dengan baik. Pada mulanya, kanak-kanak tertumpu kepada emosi asas seperti gembira atau sedih. Kemampuan kanak-kanak untuk mengenal pasti, mengawal, dan merespons emosi mereka berkembang seiringan dengan peringkat usianya. Hal ini kerana, dapat dilihat bahawa tahap kecerdasan emosional kanak-kanak turut bergantung terhadap persekitaran sekelilingnya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab yang terakhir yang dimasukkan secara keseluruhan penuh pengkaji telah menyelesaikan analisis yang berkaitan dengan kecerdasan emosi watak kanak-kanak yang telah dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bentuk-bentuk emosi dan juga tahap kecerdasan emosi di dalam novel *Budak California*. Bab ini juga bertujuan untuk membincangkan kepada rumusan terhadap dapatan kajian dalam bab empat yang telah diperoleh dalam menganalisiskan terhadap teks novel *Budak California* karya Mass Ruhaiza Ali. Di antara perkara-perkara yang akan di bincangkan dalam bab ini ialah rumusan analisis, cadangan bagi kajian penyelidikan untuk masa akan datang dan juga kesimpulan secara menyeluruh dapatan kajian. Pengkaji telah mendapati bahawa terdapat banyak aspek emosi yang telah diperlakukan di dalam novel *Budak California* malah menjadikan kajian penyelidikan ini lebih mudah apabila isi novel menyediakan maklumat secara terperinci.

Melalui bab ini juga, terdapat bahagian perbincangan yang dapat dikongsikan oleh pengkaji kepada para pembaca terhadap isi-isi penting novel yang banyak membincangkan terhadap emosi terutamanya memfokuskan kepada emosi kanak-kanak dalam menjalankan kehidupan sehari-hari mereka. Hal ini demikian kerana, pencarian maklumat menjadi lebih mudah apabila pembacaan novel telah banyak membantu pengkaji mendapatkan isu utama dalam aspek emosi berserta contoh yang tepat dan

sesuai bagi membuktikan kesahihan terhadap pernyataan yang telah diusulkan. Rumusan bagi setiap analisis adalah bertujuan memudahkan pembaca mengetahui secara keseluruhan isi-isi penting subtopik analisis kajian yang telah dijalankan. Tambahan pula, cadangan adalah untuk menyuarakan pendapat pengkaji bertujuan terhadap penambahbaikan kajian ini dan sekiranya terdapat pengkaji di masa akan datang telah berminat untuk mengkaji novel yang sama namun melalui pendekatan yang berbeza.

5.1 Rumusan

Secara rumusannya, kajian ini telah menggunakan Teori Kecerdasan Emosi. Dalam kajian ini telah memperoleh kepada beberapa dapatan kajian. Secara keseluruhan daripada kandungan novel *Budak California* ini telah menyerapkan kepada komponen kecerdasan emosi yang telah dibentuk oleh kajian ini. Jalan cerita yang menggalakkan perhubungan sosial yang baik ditunjukkan dalam novel yang dikaji ini. Hal ini telah menepati terhadap Teori Kecerdasan Emosi yang diguna pakai dalam kajian ini. Walaupun terdapat pelbagai cara untuk menyampaikan mesej namun banyak pengajaran yang telah ditunjukkan dalam penjagaan dan pendidikan terhadap golongan kanak-kanak.

Tambahan pula, hasil analisis telah memenuhi bahagian Teori Kecerdasan Emosi yang dibangunkan dalam kajian ini dan telah menepati objektif kajian. Setiap teks kajian mempunyai komponen kecerdasan emosi dalam kisah yang dipaparkan. Bahagian kecerdasan emosi termasuk mengenali emosi, mengendalikan emosi, menggunakan emosi dengan cara yang positif, berempati dengan orang lain, dan membina hubungan sosial. Dengan mengambil kira kelima-lima aspek ini, peristiwa diserap secara tidak

langsung melalui watak kanak-kanak dalam novel kajian ini. Walau bagaimanapun dalam bab penerangan analisis pengkaji hanya mengemukakan kepada beberapa bentuk-bentuk kecerdasan emosi yang paling menonjol sahaja kerana ingin memfokuskan kepada analisisnya secara terperinci. Selain itu, pengkaji bukan hanya sekadar melihat kepada emosi watak kanak-kanak namun dengan melalui watak kanak-kanak yang dikaji ini tidak hanya mengalami emosi positif tetapi mereka juga mengalami emosi yang negatif ketika berhadapan dengan konflik. Hasil daripada menganalisis watak tersebut, telah menunjukkan bahawa terdapat watak kanak-kanak yang bijak mengendalikan emosi negatif mereka dan berjaya mengatasi emosi negatif dengan perkara-perkara yang bermakna dalam kehidupan mereka.

Di samping itu, hasil dapatan kajian dalam novel *Budak California* juga telah menunjukkan kepada beberapa komponen yang mempunyai tahap kecerdasan emosi kanak-kanak. Kanak-kanak yang mengalami masalah dalam hubungan sosial seperti persahabatan, dengan guru, dan sebagainya boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut mempunyai kecerdasan emosi yang rendah. Selain itu, terdapat komponen tambahan yang meningkatkan tahap kecerdasan emosi mereka ke tahap tertinggi dan mempunyai keupayaan untuk membentuk watak yang cemerlang dan unggul. Di antara unsur yang menyumbang kepada peningkatan tahap emosi kanak-kanak adalah apabila kanak-kanak itu memahami dan mengenali emosi mereka sepetimana yang terdapat dalam Teori Kecerdasan Emosi. Dalam novel *Budak California* memberikan banyak pengajaran kepada pembaca melalui pengalaman dan cara penyelesaian konflik yang telah dialami. Melalui novel ini juga boleh merangsang pembentukan watak yang hebat dan sahsiah mulia dalam kalangan kanak-kanak. Kelebihan watak boleh dilihat dalam novel ini dari segi cara pemikiran yang matang dan tindakan yang bijak walaupun perlu mengharungi pelbagai halangan. Selain itu, kelebihan sahsiah watak kanak-kanak dilihat kepada

pegangan agamanya, yang bermaksud dia tidak pernah mengabaikan ibadahnya walaupun perlu mengharungi pelbagai konflik. Selain itu, watak kanak-kanak dilihat sebagai sikap watak yang tenang dan mesra ditunjukkan melalui gambaran dan perilaku yang sesuai.

Oleh hal demikian ini kerana, mengawal emosi adalah tugas yang sukar untuk kanak-kanak tetapi melalui pengalaman dan pergaulan, kecerdasan emosi kanak-kanak boleh dipupuk dengan sebaiknya. Antara salah satunya adalah memupuk dari segi pembacaan, kerana boleh membantu kanak-kanak meningkatkan kecerdasan emosi mereka. Novel kanak-kanak yang menampilkan watak yang memenuhi keperluan kecerdasan emosi atau buku kanak-kanak yang menggunakan elemen kecerdasan emosi berdasarkan watak-watak dalam cerita membolehkan nilai tersebut sebagai kerja yang sangat berharga dan mempunyai keupayaan untuk mendidik sahsiah kanak-kanak supaya dapat mengenali emosi mereka.

5.2 Cadangan

Dengan adanya kajian ini, pengkaji berharap ia boleh dijadikan panduan untuk penulis buku kanak-kanak mengenai penerapan komponen kecerdasan emosi yang ditunjukkan dalam karya yang ditulis. Kepentingan menggunakan elemen kecerdasan emosi adalah besar kepada proses pemikiran yang dialami oleh kanak-kanak. Karya kesusastraan yang sangat memberi kesan kepada pembentukan watak dan identiti kanak-kanak kerana komponen yang terdapat dalam karya sastera, seperti pengetahuan, kebolehan, dan nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi mempunyai keupayaan untuk mendidik kanak-kanak supaya dapat mengendalikan emosi mereka

secara positif. Terdapat tiga cadangan yang dapat diketengahkan kajian ini terhadap pengkaji, masyarakat dan negara.

i) Pengkaji

Melalui kajian ini, pengkaji berharap hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada pengkaji yang akan datang supaya mereka boleh menggunakan novel yang lain untuk menentukan perbezaan antara emosi kanak-kanak dan orang dewasa. Kajian ini digunakan sebagai rujukan dan sumber ilmiah untuk generasi pada masa hadapan. Pengkaji mesti mempunyai pemahaman yang baik tentang jalan cerita dan mengingati setiap peristiwa yang berlaku yang berkaitan dengan kecerdasan emosi watak dalam karya tersebut. Karya sastera berfungsi sebagai alat yang sangat berkesan untuk mendidik dan memupuk akhlak kanak-kanak. Namun begitu, pengkaji juga berharap agar kajian teks sastera bukan sekadar menjawab soalan objektif kajian semata-mata tetapi komponen kecerdasan emosi adalah penting dalam karya sastera untuk pembangunan kecerdasan emosi yang baik serta menjadikan pembentukan kanak-kanak yang unggul melalui penghayatan nilai kemanusiaan. Oleh hal demikian ini kerana, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pengkaji lain mencapai matlamat kajian secara efektif termasuklah dari segi proses fisiologi dan perlakuan yang berkaitan dengan emosi.

ii) Masyarakat

Kajian ini mempunyai keupayaan untuk memahami emosi dan mengenal pasti serta dapat mengendalikan emosi dengan berkesan. Ia juga dijangkakan bahawa kajian ini akan memberi manfaat kepada orang ramai kerana

kecerdasan emosi yang tinggi mempunyai kecenderungan untuk menjadi lebih berdaya saing dan berjaya dalam kehidupan. Tambahan pula golongan masyarakat kini perlu memilih buku yang berkualiti tinggi dan mempunyai kecerdasan emosi yang mempunyai nilai yang tinggi untuk dibaca oleh anak-anak mereka. Ibu bapa dan ahli masyarakat harus sedar bahawa aspek kecerdasan emosi memerlukan perhatian yang lebih besar kerana dengan memiliki seseorang yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan menjadi lebih cemerlang dalam kehidupan peribadi dan sosial mereka. Ibu bapa harus menasihati anak-anak mereka untuk membaca buku kanak-kanak yang berkualiti tinggi kerana ia boleh meningkatkan kecerdasan emosi. Malahan, ibu bapa tidak perlu bimbang tentang anak-anak mereka kerana anak yang sangat cerdas emosi boleh mengawal perkara yang tidak bermoral.

iii) Negara

Kajian ini juga berharap dapat melahirkan generasi yang lebih seimbang secara emosi dan sosial serta memahami kepentingan kecerdasan emosi kanak-kanak. Mengajar kanak-kanak konsep kecerdasan emosi pada peringkat awal boleh mengurangkan masalah tingkah laku dan memupuk kesejahteraan mental mereka. Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi nasihat kepada negara untuk menekankan aspek kecerdasan emosi sebagai landasan penting dalam garis panduan kurikulum pendidikan sekolah menengah dan rendah. Melalui komponen ini akan dapat menghasilkan individu yang seimbang dan holistik seperti yang telah dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan sepadan dengan keperluan yang ditetapkan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPPN) yang mementingkan

kualiti pelajar yang akan dilahirkan melalui sistem pendidikan negara terutamanya dari segi moral dan kerohanian untuk menghadapi cabaran yang akan dihadapi sepanjang kehidupan mereka. Dengan adanya kecerdasan emosi yang tinggi, kanak-kanak akan menjadi bijak, berani dan boleh menyelesaikan konflik secara harmoni dan melakukan tindakan yang sesuai.

5.3 Penutup

Secara kesimpulannya, kajian ini mengkaji jenis emosi kanak-kanak dan tahap kecerdasan emosi dalam novel *Budak California* karya Mass Ruhaiza Ali. Kajian ini boleh membantu masyarakat memahami kecerdasan emosi yang baik. Kajian ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak dan semua orang tentang kepentingan kecerdasan emosi termasuklah dengan pelbagai jenis emosi seperti marah, sedih, takut dan sebagainya. Selain itu, Teori Kecerdasan Emosi Goleman sangat sesuai untuk kajian ini kerana setiap dominan yang digariskan oleh Goleman boleh digunakan untuk mencapai objektifnya. Selain itu, kajian ini juga dapat melihat bagaimana seorang kanak-kanak mengenali emosi mereka serta dapat mengendalikan emosi-emosi yang negatif dan juga positif dengan baik.

RUJUKAN

- Abirerah, N. S., & Amran, N. N. (2020). *Kestabilan emosi dan cabaran kehidupan golongan Armalah*. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 5(1), 11-20.
- Abdul, M. A., Ismail, H., Mohamad, I., & Osman, Z. (2019). *Perkembangan emosi kanak-Kanak menggunakan kaedah pengajaran berdasarkan aktiviti muzik: The emotional development of children by using Art-Based music activity*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 17-23.
- Afifah, F. L. (2020). *Kecerdasan emosional tokoh utama dalam novel "Tanah Surga Merah"* karya Arafat Nur. *Jurnal Penelitian, Pendidikan, Dan Pembelajaran*, 15, 24.
- Ahmad, A. A., & Ambotang, A. S. B. (2020). *Pengaruh kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga terhadap stres akademik murid sekolah menengah*. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (Mjssh)*, 5(5), 12-23.
- Albab, U. (2020). *Konsep bahagia menurut Al-Ghazali* (Jurusan Kedoktoran , UIN).
- Ambat, M. K., Polii, I. J., & Monoarfa, S. (2023). *Kajian pesan moral dalam novel "Cermin Tak Pernah Berdusta"* karya Mira W dan implikasinya pada pendidikan karakter. *karakter. kompetensi*, 3(6), 2333 2343.
- Arif, M., Situmorang, N. Z., & Tentama, F. (2019, November). *Bentuk-bentuk perilaku agresif pada remaja*. In prosiding seminar nasional magister psikologi Universitas Ahmad Dahlan (Pp. 299-304).
- Bahari, J. I. (2021). *Perkembangan sosial emosional pada anak usia taman kanak-kanak di Tk Al Islam*. *Incare, International Journal Of Educational Resources*, 1(6), 508-522.
- Damanhuri, Z., Tasripin, N., Baharudin, N. S., Wahi, N. H. A., & Zamal, N. S. M. (2022). Ekspresi emosi positif ibubapa mempengaruhi masalah tingkah laku (Luaran & Dalaman) dalam kalangan kanak-kanak tadika. *Jurnal Ilmi* 11(1), 93-104.

- Dilah, G. (2021). *Kecerdasan emosional tokoh perempuan muslimah dalam novel Assalamualaikum Beijing* karya Asma Nadia. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 4(1), 37-48.
- Dea, L. F., Siregar, M., & Setiawan, A. (2022). *Penerapan metode bercerita dalam mengembangkan sosial emosional anak*. *seling: Jurnal Program Studi Pgpa*, 8(2), 180-186.
- Dewi, S. R., & Yusri, F. (2023). *Kecerdasan emosi pada remaja*. *Educativo: Jurnal Pendidikan*, 2(1), 65-71.
- Dewi, A. R. T., Mayasarokh, M., & Gustiana, E. (2020). Perilaku sosial emosional anak usia dini. *Jurnal Golden Age*, 4(01), 181-190.
- Dewi, T. K., Jasmani, J., Latifa, B., & Suryana, D. (2023). Asesmen sosial emosional kelompok B taman kanak-kanak Islam Bakti 38 Ranah Baru. *Jurnal Pelita Paud*, 7(2), 268-273.
- Fajri, A. (2021). Strategi pengendalian emosi pada anak usia sekolah dasar untuk mendukung kecerdasannya. *Jurnal Kajian Dan Pengembangan Umat*, 4(1).
- Febiola, S., & Hazizah, N. (2019). Peran keluarga dalam menangani emosi negatif dan pembentukan karakter anak usia dini.
- Hiang, L. A., & Kutty, F. M. (2021). Pengaruh gaya keibubapaan terhadap perkembangan kecerdasan emosi murid Iban di Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 183-192.
- Huljannah, A. M., & Suryana, D. (2022). *Perkembangan emosional anak di Taman kanak-kanak Sani Ashilla ditinjau dari orang tua yang bekerja*. *Jurnal Family Education*, 2(2), 192-196.
- Hutajulu, H. (2020). *Hubungan bentuk-bentuk perilaku orangtua dengan perkembangan emosi remaja pada siswa: studi kasus Smk Negeri 2 Tanjung Pinang*. *Cendikia: Media Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 10(2), 88-98.
- Ilham, I. (2020). Perkembangan emosi dan sosial pada anak usia Sekolah Dasar. *El-Muhbib: Jurnal Pemikiran Dan Penelitian Pendidikan Dasar*, 4(2), 162-180.

Irzalinda, V., Sofia, A., & Erika, A. L. (2022). Pentingnya kelekatan ibu dalam membangun kecerdasan sosial emosional anak usia 5–6 tahun. *Jurnal Pendidikan Anak*, 8(1).

Janius, N., Ishar, M. I. M., Yusof, Y., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). *Belajar sambil bermain di dalam kelas pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak*. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (Mjssh)*, 8(4), e002248-e002248.

Khotami, A. H. (2020). Ungkapan emosi pada anak usia 1 tahun 6 bulan dalam pembelajarannya, 7(1), 119-129.

Kurnia, L., & Anggraeni, V. (2022). Analisis emosi anak usia dini dalam mengikuti kegiatan senam sehat gembira pada kelas B di Raudhatul Athfal Al-Falah Rangkasbitung. *E-Jurnal Aksioma Al-Asas*, 3(2).

Mohammad, N. A., & Mohamed, S. (2020). Analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran dalam membentuk kecerdasan sosioemosi kanak- kanak. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 2(3), 70-82.

Nisa, A. W. C., & Susandi, A. (2021). Kontribusi pendidikan Islam dalam menumbuhkan kecerdasan emosional. *Iq (Ilmu Al-Qur'An): Jurnal Pendidikan Islam*, 4(02), 154-170.

Novita Rahmawati Aditya, A. (2020). Pengembangan media *big book* berbaris Agama dalam mengembangkan kecerdasan spiritual anak usia dini usia 5-6 tahun di Taman kanak-kanak (Doctoral Dissertation, Universiti Islam Negeri Raden Intan Lampung).

Nugroho, C. A., & Muhamadiyatinsih, S. N. (2023). *Kebahagian perspektif imam Al-Ghazali dan bertrand Arthur William Russell* (Doctoral Dissertation, Uin Raden Mas Said Surakarta).

Omar, N. A., & Zakaria, S. M. (2018). Hubungan di antara gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi dengan masalah tingkah laku kanak-kanak: satu sorotan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1-7.

Rahman, N. N. H. A., Abdullah, A., Hamdan, M. N., & Ahmad, A. W. (2020). Hubungan emosi dan akhlak dalam kekeluargaan saudara baru selepas *relationship after the Conversion*. *Umran-International Journal Of Islamic And Civilizational Studies*, 6(3-2).

Rijali, A. (2019). Analisis data kualitatif. Alhadharah: *Jurnal Ilmu Dakwah*, 17(33), 81-95.

Rohmah, B., Suharto, V. T., & Saputro, A. N. (2022, July). *Kecerdasan emosi Hanum dalam novel "I Am Sarahza"* karya Hanum Sr Danrangga A.(Kajian Psikologi Sastra). In *Shambhasana: Seminar Nasional Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya* (Vol. 1, No. 1, Pp. 139-151).

Salleh, N. M., & Haridi, N. H. M. (2016). Konsep kecerdasan emosi dalam Islam Hindu, 26(27.1), 1-3.

Saihu, M. (2022). Intensifikasi kecerdasan emosional anak introvert melalui model pembelajaran kooperatif pada pendidikan dasar. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 11(03), 1063-1082.

Shaleh, M. (2023). Pola asuh orang tua dalam mengembangkan aspek sosial emosional anak usia 5-6 tahun. *Murhum: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 4(1), 86-102.

Susanto, A. (2015). *Bimbingan dan konseling di taman kanak-kanak*. Prenada Media.

Wijayanti, S. H., Sihotang, K., & Dirgantara, V. E. (2022). *Bentuk-bentuk etika bermedia sosial generasi milenial*. *Jurnal Komunikasi*, 16(2), 129-146.

Yahya, S. A., & Sham, F. M. (2019). *Bentuk-bentuk emosi remaja hamil luar nikah*. *Jurnal'Ulwan*, 4(1), 137-148.

Yuniar, Z., Rohayati, N., & Hendaryan, H. (2023). *Nilai karakter dalam novel Bedebah Diujung Tanduk* karya Tere Liye. *Diksstrasia: Jurnal ilmiah Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 7(1), 113-137.

Yunisari, D. (2020). Kesan peran orang tua dalam pengembangan kecerdasan emosional anak usia 4-6 tahun di Aceh Besar. *Jurnal Buah Hati*, 7(1), 29-38